Diriwayatkan bahawa pada setia hari ianya dimasuki oleh 70,000 malaikat kemudian keluar, para malaikat ini tidak akan kembali ke rumah tersebut selama-lamanya. (Hadis riwayat Ibnu Jarir, Ibnu Munzir, Hakim – beliau menyatakan hadis ini sahih serta al Baihaqi dalam kitab al Sya'b)

Ada satu pendapat mengatakan : ianya adalah Kaabah kerana ianya dimakmurkan dengan para Jemaah haji dan umrah.

سورة الطور

(مكية و هي : تسع و أربعون آية)

١ - وقوع العذاب لا محالة بالكفار والمكذبين

Berlakunya azab adalah pasti terhadap orang kafir dan pendusta

معاني المفردات

﴿الطُّور﴾ : الجبل الذي كلم الله عليه موسى عليه السلام	﴿الْمَسْجُورِ﴾ : المملوء / الموقد
﴿كُتِبَ﴾ : القرآن / اللوح المحفوظ / التوراة	﴿لَوَاقِعُ﴾ : لنازل
﴿رَقٍّ﴾ : الصحيفة / الجلد الذي يكتب فيه	﴿دَافِعُ﴾ : مانع
﴿مَّنشُورٍ﴾ : مفتوح	﴿تَمُورٌ﴾ : تدور كالرحى مضطربة
﴿الْبَيْتِ الْمَعْمُورِ﴾ : بيت في السماء حيال الكعبة	﴿خَوْضُ﴾ : باطل / كذب
﴿السَّقْفِ الْمَرْفُوعِ﴾ : السماء / العرش	﴿دَعَا﴾ : دفع عنيف

السر البلاغي :

قوله تعالى : ﴿أَصْلَوْهَا فَأَصْبَرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا﴾ : الإهانة و التوبيخ .

الشرح :

﴿وَالطُّورِ﴾ (١)

الطور : هو الجبل الذي كلم الله عليه موسى عليه السلام .

Thur ialah bukit tempat nabi Musa a.s bercakap dengan Allah swt (kawasan Sinai, Mesir)

* الجملة **صفة** لـ ﴿وَأَقْبَعُ﴾ ، أي: واقع غير مدفوع

﴿يَوْمَ تَمُورُ السَّمَاءُ مَوْرًا﴾ (٩)

يوم تدور السماء كالرحى مضطربة

Pada hari langit berpusing seperti pengisar yang bergegar

* العامل في ﴿يَوْمَ﴾ ، ﴿لَوَاقِعُ﴾ أي: يقع في ذلك اليوم،

﴿وَتَسِيرُ الْجِبَالُ سَيْرًا﴾ (١٠)

و تسير الجبال في الهواء كالسحاب ، لأنها تصير هباءً منثورا .

Dan gunung-ganang bergerak di udara seperti awan kerana ia menjadi debu yang bertaburan.

﴿فَوَيْلٌ لِلْمُكَدِّبِينَ ﴿١١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي خَوْضٍ يَلْعَبُونَ ﴿١٢﴾﴾

(Apabila berlaku yang demikian), maka kecelakaan dan kebinasaanlah pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan kebenaran

أصل الخوض هو المشى في الماء، ثم غلب في الإندفاع في الباطل و الكذب .

Asal perkataan *khaud* ialah berjalan (menyelam) di dalam air, kemudian digunakan bagi orang yang banyak bercakap tentang kebatilan dan pendustaan.

* ﴿يَوْمَ تَمُورُ﴾ : بدل ،

﴿وَالسَّقْفِ الْمَرْفُوعِ﴾ (٥)

و السماء أو العرش

demi langit atau demi 'Arasy

﴿وَالْبَحْرِ الْمَسْجُورِ﴾ (٦)

و البحر المملوء أو الموقد .

demi laut yang penuh atau kepanasan

* الواو ﴿وَالطُّورِ﴾ للقسم، و البواقي للعطف، و جواب القسم : ﴿إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ﴾

﴿إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَاقِعٌ﴾ (٧)

إن عذاب ربك الذي أوعد الكفار به لنازل، قال جبير بن مطعم: أتيت رسول الله أكلمه

في الأسارى، فلقيته في صلاة الفجر يقرأ سورة الطور، فلما بلغ ﴿إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَاقِعٌ﴾

أسلمت؛ خوفا من أن ينزل العذاب.

Sesungguhnya azab Tuhanmu yang dijanjikan kepada orang kafir tetap berlaku. Jubair bin Mut'im berkata: Aku datang bertemu Rasulullah saw dan bercakap bersama baginda tentang tawanan, kemudian aku bertemu baginda ketika solat Subuh membaca surah at Thur, setelah sampai ayat ini, saya memeluk Islam kerana takut diturunkan azab.

﴿مَا لَهُ مِنْ دَافِعٍ﴾ (٨)

لا يمنعه مانع .

Tidak ada sesiapapun yang dapat menolaknya

"Maksudnya: Kamu kata terhadap wahyu itu sebagai sihir. Adakah ini sihir?

iaitu Adakah apa yang kamu lihat ini juga sihir?, **atau kamu tidak nampak (kenyataannya)** sebagaimana kamu tidak nampak di dunia dahulu (akan kebenaran Rasul Kami)?

Maksudnya: atau kamu buta tentang orang yang menyampaikan berita (para rasul) sebagaimana kamu buta tentang berita yang disampaikan?

* ﴿أَصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ إِنَّمَا تُجْرُونَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ (١٦)
 خبر **سواء** محذوف.

أى : سواء عليكم الأمران الصبر و عدمه ، وقيل على العكس وعلل استواء الصبر وعدمه بقوله تعالى: ﴿إِنَّمَا تُجْرُونَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ لأن الصبر إنما يكون له مزية على الجزع ، لنفعه فى العاقبة ، بأن يجازى عليه الصابر جزاء الخير ، فأما الصبر على العذاب ، الذى هو الجزاء ، و لا عاقبة له و لا منفعة ، فلا مزية له عليه .

Sama sahaja bagi kamu sama ada bersabar atau tidak bersabar

Ada pendapat mengatakan sebaliknya dan memberi alasan sama jua antara bersabar atau tidak bersabar dengan firman Allah swt: "Sesungguhnya kamu tidak dibalas melainkan dengan apa yang kamu telah kerjakan" kerana kesabaran mempunyai ciri kegelisahan untuk faedahnya kelak iaitu orang sabra akan dibalas dengan balasan yang baik. Manakala bersabar menderita azab yang merupakan balasan buruk dan tiada kebaikan, maka ini bukan ciri sifat sabar.

﴿يَوْمَ يُدْعُونَ إِلَى نَارِ جَهَنَّمَ دَعَاً﴾ (١٣)

فى ذلك اليوم ، أن خزنة النار يغلقون أيدي المكذبين إلى أعناقهم ، و يجمعون نواصيهم إلى أقدامهم ، و يدفعونهم إلى النار دفعا على وجوههم و زخا اى دفعا فى أفقيتهم ،

Pada hari itu penjaga neraka membelenggu tangan-tangan para pendusta di leher-leher mereka dan menghimpunkan golongan bangsawan di hadapan mereka seterusnya menolak dan menghumbang muka mereka ke dalam neraka (dengan tolakan yang amat kasar).

Perkataan *rakha* ialah menghumbang leher-leher mereka.

فيقال لهم :

Lalu dikatakan kepada mereka:

﴿هَذِهِ النَّارُ الَّتِي كُنتُمْ بِهَا تُكذِبُونَ﴾ (١٤)

هذه النار التى كنتم بها تكذبون فى الدنيا .

"Inilah api neraka yang dahulu kamu mendustakannya di dunia

* ﴿أَفْسِحْرُ هَذَا أَمْ أَنْتُمْ لَا تُبْصِرُونَ﴾ (١٥)

هذا : مبتدأ سحر : خبره

معناه : كنتم تقولون للوحى هذا سحر، أفسحر هذا ؟

يريد : أهذا الذى ترونه أيضا سحرا؟ **أم أنتم لا تبصرون** كما كنتم لا تبصرون فى

الدنيا ،

يعنى : أم أنتم عمى عن المخبر عنه كما كنتم عميا عن الخبر ؟ . وهذا تفریع و تهكم.

معاني المفردات	
{مَرْكُومٌ}: جُمع بعضه على بعض	{فَذَكَّرَ}: فأثبت (على تذكّر الناس و موعظتهم)
{يُصَعَّقُونَ}: يهلكون	

السر البلاغي :

في قوله تعالى : ﴿ أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَحْلَمُهُمْ بِهَذَا ﴾ - تهكم بهم .

في قوله تعالى : ﴿ كَأَنَّهُمْ لُلُّؤْلُؤُ مَكْنُونٌ ﴾ : تشبيه مرسل مجمل وهو تشبيهه بليغ.

الشرح :

﴿ إِنَّ الْمَتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَعِيمٍ ﴿١٧﴾ فَكِهِينَ بِمَا ءَاتَاهُمْ رَبُّهُمْ وَوَقَّاهُمْ رُبُّهُمَ عَذَابَ

الْجَحِيمِ ﴿١٨﴾ كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾ (١٧-١٩)

إن المتقين استقروا في جنات ونعيم ، حال كونهم متلذذين فاكهين بما آتاهم ربهم و وقايتهم من عذاب الجحيم ، ثم يقال لهم أكلا و شربا هنيئا أو طعاما و شربا هنيئا ، و هو الذي لا تنغيص فيه .

Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, di tempatkan dalam taman-taman Syurga dan nikmat kesenangan (17) dalam keadaan mereka bersenang lenang dengan apa yang dikurniakan oleh Tuhan mereka dan mereka dipelihara Tuhan dari azab neraka (18) Kemudian dikatakan kepada mereka): "Makan dan minumlah kamu makanan dan minuman dengan tenang iaitu kehidupan yang tidak melarat.(19)

معاني المفردات	
{مَصْفُوفَةٌ}: موصول بعضها ببعض	{بِنِعْمَتٍ}: برحمة
{زَوْجَانَهُمْ}: قرنا هم	{نَتَرَبَّصُّ}: ننتظر
{ذُرِّيَّتُهُمْ}: أولادهم	{أَحْلَمُهُمْ}: عقولهم
{أَلْتَنَّهُمْ}: نقصناهم	{طَاغُونَ}: مجاوزون الحد في العناد
{رَهِينٌ}: مرهون	{تَقَوْلَهُ}: أختلقه
{أَمَدَدْنَاهُمْ}: زدناهم	{بِحَدِيثٍ}: مختلف
{كَأَسَا}: خمر	{خُلِقُوا}: أحدثوا
{لَا تَأْتِيهِمْ}: لا يجرى بينهم باطل و إثم	{مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ}: من غير مقدر
{مُشْفِقِينَ}: خائفين	{لَا يُوقِنُونَ}: لا يتدبرون في الآيات
{السَّمُومُ}: الريح الحارة التي تدخل المسام	{الْمَصِيطِرُونَ}: الأرباب الغالبون
{مِنْ قَبْلُ}: من قبل لقاء الله تعالى	{سُلِّمَ}: منصوب يرتقون به الى السماء
{نَدَعُوهُ}: نعبده	{سُلْطَنٌ}: بحجة واضحة
{الْبُرِّ}: المحسن	{الْغَيْبُ}: اللوح المحفوظ
{الرَّحِيمِ}: العظيم الرحمة	{كِسْفًا}: قطعة

﴿ وَأَمَدَدْنَاهُمْ بِفِكَهَةِ وَلَحْمٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ ﴾ (٢٢)

و زدنا للمؤمنين في وقت بعد وقت بفواكه ولحم مما يشتهون و إن لم يطلبوا

Dan (penduduk Syurga itu) Kami tambahi mereka (dari semasa ke semasa), dengan buah-buahan dan daging dari berbagai jenis yang mereka ingini

﴿ يَتَنَزَّعُونَ فِيهَا كَأْسًا لَا لَغْوٌ فِيهَا وَلَا تَأْتِيهِمْ ﴾ (٢٣)

وهم يتعاطون و يتبادلون هم و جلساؤهم من أقربائهم ، يتناول هذا الكأس من يد هذا ، و هذا من يد هذا ، لا لغو في شربها ، و لا يجرى بينهم باطل و لا فيه إثم ، لو فعله فاعل في دار التكليف ، من الكذب و الشتم و نحوهما كشاربي خمر الدنيا ، لأن عقولهم ثابتة ، فيتكلمون بالحكم و الكلام الحسن .

Mereka di dalam Syurga itu (kerana melahirkan kemesraan antara satu dengan yang lain) berebut-rebut mengambil dan bertukar-tukar piala (yang berisi arak) antara satu sama lain yang tidak menyebabkan timbul (dari peminumnya) perkara yang sia-sia, tidak berlaku perkara batil dan tidak pula menyebabkan (peminumnya menanggung) dosa. Sekiranya perkara tersebut dilakukan di dunia ini seperti berdusta, mencela dan seumpamanya, juga seperti peminum arak di dunia, kerana akal mereka normal dan bercakap dengan penuh hikmah dan percakapan yang baik.

﴿ وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ غِلْمَانٌ هُمْ كَأَنَّهُمْ لَوْلُؤُكُمْ مَكُونُونَ ﴾ (٢٤)

أن المتقين يطوف عليهم غلمان لهم كأنهم مملوكون لهم مخصوصون بهم ، كأنهم من بياضهم و صفائهم لؤلؤ مكنون في الصدف ، لأنه (رطباً) أحسن و أصفى ، أو مخزون ، لأنه لا يخزن الا الثمين الغالى القيمة.

Orang bertakwa mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang sentiasa beredar di sekitar mereka, (yang cantik parasnya) seolah-olah anak-anak muda itu hamba khas bagi mereka dan rupa parasnya putih umpama mutiara dalam cengkerangnya, kerana itulah ianya cantik dan bersih atau yang tersimpan kerana yang disimpan itu hanyalah sesuatu yang nilainya tinggi dan berharga.

﴿ مُتَّكِنِينَ عَلَى سُرُرٍ مَّصْفُوفَةٍ وَزَوَّجْنَاهُمْ بِحُورٍ عِينٍ ﴾ (٢٠)

أن المتقين هم متكئين على سرير موصول بعضها ببعض ، وقرناهم بحور عين عظام الأعين حسانها .

Sesungguhnya orang bertakwa mereka duduk berbaring di atas pelamin-pelamin yang bersambung antara satu sama lain (berderet) dan Kami jadikan kawan teman mereka bidadari-bidadari yang putih melepak, lagi luas cantik matanya

* ﴿ مُتَّكِنِينَ ﴾ : حال من ضمير في ﴿ كُلُوا وَاشْرَبُوا ﴾ .

﴿ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴾ (٢١).

وإن للذين ءامنوا نلحق الأولاد بإيمانهم و أعمالهم درجات الآباء ، وإن قصرت أعمال الذرية من أعمال الآباء ، و ما نقصناهم من ثواب عملهم من شئ ، وإن كل نفس المؤمن مرهونة بعمله و تجازى به .

Dan untuk orang-orang yang beriman, kami Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya dengan keadaan beriman dan beramal berada sama kedudukan dengan bapa-bapa mereka (di dalam Syurga). Sekiranya amalan zuriat itu kurang daripada bapa-bapa mereka; Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun pahala amal-amal mereka; dan setiap orang yang beriman terikat dengan amal yang dikerjakannya dan akan dibalas.

* ﴿ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا ﴾ : مبتدأ * ﴿ أَلْحَقْنَا ﴾ : خبر

* ﴿ مِّنْ ﴾ الأولى : متعلقة بـ ﴿ أَلَتْنَاهُمْ ﴾ .

* ﴿ مِّنْ ﴾ الثانية : زائدة .

﴿ فَذَكَرَ فَمَا أَنْتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ ﴾ (٢٩)

Faithful on the reminder of the people and their greatness, for you are neither a madman nor a madman. The mind of the madman and madman as they say.

Maka hendaklah engkau (wahai Muhammad) tetap tekun memberi peringatan dan nasihat kepada manusia dengan apa yang diberikan Allah swt dan nikmatNya iaitu kenabian dan kepintaran akal, bukanlah kamu seorang pawang dan bukan pula seorang gila seperti sangkaan orang kafir.

* ﴿ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ ﴾ هو في موضع الحال .

التقدير : لست كاهنا و لا مجنونا ملتبسا بنعمة ربك .

﴿ أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَتَرَبَّصُّ بِهِ رَيْبَ الْمُنُونِ ﴾ (٣٠)

Or they say the disbelievers are a poet who we are watching him, for he is like a poet who is like a poet. The poet is a poet and the poet is a poet.

Atau orang kafir mengatakan: "(Muhammad) itu seorang penyair yang kami tunggu-tunggu saat kebinasaannya. Ia akan bina sebagaimana binasanya penyair-penyair sebelumnya seperti Zuhair dan an Nabighah.

* ﴿ أَمْ ﴾ بمعنى (بل) و (الهمزة) ، فتفيد : الإضراب والإستفهام .

﴿ قُلْ تَرَبَّصُوا فَإِنِّي مَعَكُمْ مِنَ الْمُتَرَبِّصِينَ ﴾ (٣١)

أترصد هلاككم كما تترصدون هلاكي .

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku menunggu kebinasaan kamu sebagaimana kamu menunggu kebinasaanku".

﴿ وَأَقْبَلْ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴾ .

And they received each other on each other, asking each other about their affairs and what they were doing. And they received each other on each other, asking each other about their affairs and what they were doing.

Dan (dengan berada dalam nikmat itu) mereka berhadap-hadapan satu sama lain sambil bertanya-tanya tentang keadaan, amalan dan hanjaran yang mereka perolehi di sisi Allah swt

﴿ قَالُوا إِنَّا كُنَّا قَبْلُ فِي أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ ﴾ (٢٦)

قالوا إنا كنا في الدنيا أرقاء القلوب من خشية الله ، أو خائفين من نزع الإيمان و فوت الامان، أو من الحسنات و الأخذ بالسيئات

Mereka berkata: "Sesungguhnya kami dahulu, semasa berada di dunia, hati kami lembut kerana sentiasa merasa takut terhadap Allah atau takut dicabut iman dan hilang keamanan atau juga hilang kebaikan dan melakukan kejahatan.

﴿ فَمَنْ بَلَّ اللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَدْنَا عَذَابَ السَّمُومِ ﴾ (٢٧)

فمن الله علينا بالمغفرة و الرحمة ، و وقانا من الريح الحارة التي تدخل المسام ، فسميت بما نار جهنم لأنها بهذه الصفة .

Maka Allah mengurniakan kami (rahmat dan taufikNya), serta memelihara kami dari angin panas yang masuk ke ruang roma. Dinamakan perkara ini sebagai azab neraka kerana neraka mempunyai sifat tersebut.

﴿ إِنَّا كُنَّا مِنْ قَبْلُ نَدْعُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْبَرُّ الرَّحِيمُ ﴾ (٢٨)

قال المتقون : **إنا كنا من قبل** لقاء الله تعالى و المصير اليه يعنون في الدنيا ، نعبده و لا نعبد غيره ، و نسأله الوقاية ، لأن الله هو المحسن ، العظيم الرحمة الذي اذا عُبد أثناب ، و اذا سُئِلَ أجاب .

Orang bertaqwa berkata: Sesungguhnya kami sebelum bertemu Allah swt dan kembali kepadaNya adalah yang diharapkan di dunia dahulu, kami menyembahNya dan tidak menyembah yang lain, kami memohon perlindunganNya, kerana sesungguhnya Dia lah yang maha memberi kebaikan, yang sentiasa melimpahkan kasih sayangNya, yang mana apabila hambaNya menyembahNya nescaya diberi pahala dan apabila hambaNya memohon sesuatu nescaya diperkenankanNya.

﴿ أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمُ الْخَالِقُونَ ﴾ (٣٥)

أم أحدثوا وُقِّدُوا التقدير الذي عليه فطرته من غير مُقَدِّرٍ؟ أم هم الذين خلقوا أنفسهم، حيث لا يعبدون الخالق.

atau Adakah mereka telah tercipta dan ditentukan takdirnya dengan tiada yang menciptanya atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri sehingga mereka tidak menyembah tuhan pencipta?

وقيل: أخلقوا من أجل لا شيء من جزاء ولا حساب، أم هم الخالقون فلا يأترون.

Ada pendapat mengatakan: Adakah mereka diciptakan tanpa apa-apa tujuan dan tiada perhitungan dan pembalasan, atau merekalah yang menciptakan (diri mereka sendiri) maka mereka tidak diperintahkan.

﴿ أَمْ خُلِقُوا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ بَلْ لَا يُوقِنُونَ ﴾ (٣٦)

أم خلقوا السماوات والأرض فلا يعبدون خالقهما، بل لا يتدبرون في الآيات، فيعلموا خالقهم وخالق السماوات والأرض.

Adakah mereka yang mencipta langit dan bumi itu? kerana itulah mereka tidak menyembah pencipta kedua-duanya? (Sudah tentu tidak!) Bahkan mereka adalah orang-orang yang tidak menghayati tanda-tanda kekuasaanNya, seterusnya mereka akan mengenali pencipta mereka dan pencipta langit dan bumi.

﴿ أَمْ عِنْدَهُمْ خَزَائِنُ رَبِّكَ أَمْ هُمُ الْمَصِيطُونَ ﴾ (٣٧)

أم عندهم خزان الله من النبوة والرزق وغيرهما، فيخسبوا من شاءوا بما شاءوا، أم هم الأرباب الغالبون حتى يدبروا أمر الربوبية، و بينوا الأمور على مشيئتهم؟

Adakah pada mereka perbendaharaan Tuhanmu seperti kenabian, rezeki dan lain-lain sehingga mereka boleh mengkhususkan (memberi atau menahan) sesuatu mengikut kehendak mereka, atau merekalah yang berkuasasehingga mereka dapat mentadbirkan urusan ketuhanan dan mengatur segala perkara mengikut kehendak mereka?

﴿ أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَحْلَمُهُمْ بِهَذَا أَمْ هُمْ قَوْمٌ طَاغُونَ ﴾ (٣٢)

أو تأمرهم عقولهم بهذا التناقض في القول، وهو قولهم: كاهن، شاعر، مع قولهم: مجنون، و كانت قريش يُدْعُونَ أهل الاحلام و النهى، أم هم قوم مجاوزون الحد في العناد مع ظهور الحق لهم.

atau mereka disuruh oleh akal fikiran mereka melemparkan tuduhan-tuduhan yang saling bercanggahan itu iaitu kata-kata mereka: (Muhammad) adalah seorang pawang, penyair dan seorang gila, sedangkan orang Quraisy mereka digelarsebagai golongan berakal dan cerdas. atau sememangnya mereka suatu kaum yang melampaui batas dalam keingkaran dan kedegilannya sedangkan telah nyata kebenaran kepada mereka?

﴿ أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُ بَلْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴾ (٣٣)

أم يقولون أخلقه محمد ﷺ من تلقاء نفسه، بل (رد عليهم)، ليس الأمر كما زعموا، بأنهم لا يؤمنون، فلكفرهم و عنادهم يرمون بهذا المطاعن مع علمهم ببطلان قولهم وأنه (محمد) ليس بمتقول، لعجز العرب عنه، وما محمد الا واحد من العرب.

atau mereka berkata: "Dia (Muhammad) telah mereka-reka sendiri Al-Quran itu". Bahkan (ini sebagai jawapan) tuduhan mereka yang demikian tidak berasas, kerana mereka sengaja tidak mahu beriman. Maka disebabkan kufur dan kedegilan mereka lontarkan tuduhan ini sedangkan mereka mengetahui salahnya perkara tersebut. Baginda saw bukanlah mereka-reka al Quran, kerana orang Arab tidak mampu menandinginya dan nabi Muhammad adalah daripada bangsa Arab juga.

﴿ فَلْيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ ﴾ (٣٤)

فليأتوا بحديث مخلق مثل القرآن إن كانوا صادقين في أن محمدًا تقوله من تلقاء نفسه، لأنه بلسانهم وهم فصحاء.

maka hendaklah mereka membuat dan mendatangkan kata-kata (yang fasih dan indah) seperti Al-Quran itu, jika betul mereka orang-orang yang benar dakwaannya bahawa Muhammad telah mereka-reka sendiri Al-Quran itu kerana al Quran dlam bahasa mereka sedangkan mereka adalah pakar bahasa.

﴿ أَمْ عِنْدَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴾ (٤١)

أم عندهم أمر الغيب : اللوح المحفوظ ، **فهم يكتبون** ما فيه حتى يقولوا : لا نبعث ، وإن بُعثنا لم نُعذب .

Adakah pada sisi mereka Lauh Mahfuz yang mengandungi perkara-perkara yang ghaib, lalu mereka menyalin daripadanya sehingga mereka sanggup berkata: Kami tidak akan dibangkitkan, sekiranya kami dibangkitkan, kami tidak akan diazab.

﴿ أَمْ يُرِيدُونَ كَيْدًا فَالَّذِينَ كَفَرُوا هُمُ الْمَكِيدُونَ ﴾ (٤٢)

هو كيدهم في دار الندوة برسول الله ﷺ وبالْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ ، وكل من كفر بالله هم الذين يعود عليهم وبال كيدهم ، و يحيق بهم مكرهم ، و ذلك أنهم قتلوا يوم بدر ، أو المغلوبون في الكيد.

iaitu rancangan jahat mereka terhadapmu wahai Muhammad dan orang beriman di Dar Nadwah. Setiap mereka yang kufur terhadap Allah swt; rancangan jahat tersebut akan menimpa mereka Balasan tersebut ialah mereka terbunuh dalam peperangan Badar atau rancangan jahat mereka tersebut tidak Berjaya.

﴿ أَمْ هُمْ إِلَهٌ غَيْرُ اللَّهِ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴾ (٤٣)

أم للكافرين إله غير الله يمنعهم من عذاب الله ، والله تعالى تنزه مما يشركون به من آلهة أخرى .

(Apabila datangnya balasan rancangan jahat itu maka) adakah bagi mereka Tuhan selain dari Allah yang dapat menyelamatkan mereka dari azab Allah.? Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan dengan tuhan yang lain.

﴿ أَمْ هُمْ سُلَّمٌ سُلِّمَتْ عَلَيْهِمْ فَلَیَاتٍ مُّسْتَمِعُهُمْ بِسُلْطَنٍ مُّبِينٍ ﴾ (٣٨)

أم لهم سلّم منصوب يرتقون به إلى السماء ، **يستمعون فيه** كلام الملائكة و ما يوحى إليهم من علم الغيب ، حتى يعلموا ما هو كائن من تقدّم هلاكه على هلاكهم، وظفرهم في العاقبة دونه كما يزعمون. **فليآت مستمعهم** بحجة واضحة تصدق استماع مستمعهم .

atau (adakah) mereka mempunyai tangga untuk naik ke langit, yang dengannya mereka dapat mendengar percakapan malaikat dan perkara ghaib yang diwahyukan kepada mereka sehingga mereka mengetahui apa yang berlaku iaitu kebinasaan baginda saw dan akhirnya kemenangan memihak kepada mereka bukannya baginda seperti sangkaan mereka. maka biarlah orang mereka yang mendengar itu membawa sesuatu bukti jelas yang membenarkan apa yang mereka dengar.

﴿ أَمْ لَهُ الْبَنَاتُ وَلَكُمْ الْبَنُونَ ﴾ (٣٩)

ثم سفه الله تعالى احلامهم حيث اختاروا الله ما يكرهون **(أي لله بنت ، و لهم بنون)** ، و هم حكماء عند أنفسهم

Allah swt memperbodohkan angan-angan mereka yang mana mereka menyediakan bagi Allah, apa yang mereka benci (anak-anak perempuan) [dan untuk mereka, apa yang mereka sukai (anak-anak lelaki)] sedangkan mereka adalah cerdik pandai mengikut pengakuan mereka.

﴿ أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُمْ مِّنْ مَّعْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴾ (٤٠)

أم تسألهم أجرا على التبليغ و الإنذار ؟ ، و لزمهم مغرم ثقيل ، فزهدهم ذلك في اتباعك .

Pernahkah engkau (wahai Muhammad) meminta sebarang bayaran kepada mereka (mengenai ajaran Islam yang engkau sampaikan), lalu mereka merasa berat menanggung bayaran itu sehingga menjauhkan diri daripada menyahut seruanmu?

٣- حفظ الله تعالى نبيه ﷺ

Allah swt memelihara nabi Muhammad sa

معاني المفردات	
{تَقُومُ}: تقوم للصلاة	{بِأَعْيُنِنَا}: بحيث نراك و نحفظك

الشرح:

﴿وَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ﴾ (٤٨)

أمر الله تعالى نبيه بالصبر إلى أن يقع بالكافرين العذاب، بإمهم، و بما يلحقك فيه من المشقة، بحيث أن الله يراك و يحفظك. **وسبح بحمد ربك حتى تقوم** للصلاة، و هو ما يقال بعد التكبير "سبحانك اللهم و بحمدك"، أو من أى مكان قمت، أو من منامك.

Allah swt memerintahkan nabiNya bersabar sehingga azab menimpa orang kafir dengan cara membiarkan mereka dan sabar di atas kesulitan yang engkau tempuhi, kerana sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam pemeliharaan serta pengawasan Allah swt; dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun untuk solat. Inilah yang disebut selepas takbiratul ihram iaitu (سبحانك اللهم و بحمدك) atau di mana-mana sahaja kamu bangun atau bangun dari tidur.

﴿وَأَنْ يَرَوْا كِسْفًا مِّنَ السَّمَاءِ سَاقِطًا يَقُولُوا سَحَابٌ مَّرْكُومٌ﴾ (٤٤)

وإن الكافرين لشدة طغيانهم و عنادهم، لو أسقطنا عليهم قطعة من السماء، لقالوا: هذا سحاب، قد جمع بعضه على بعض يطرنا، ولم يصدقوا أنه كسف ساقط للعذاب.

Dan sesungguhnya orang kafir kerana keingkaran dan kedegilan mereka sampai begitu sekali, sekiranya kami jatuhkan sepotong besar dari langit (untuk menimpa mereka), mereka akan berkata: "Itu adalah awan yang bertompok, berlapis-lapis yang akan menurunkan hujan kepada kami dan mereka tidak mempercayai itu adalah gerhana yang gugur sebagai azab"

﴿فَذَرَهُمْ حَتَّى يُلَاقُوا يَوْمَهُمُ الَّذِي فِيهِ يُصْعَقُونَ﴾ (٤٥)

فذرهم في طغيانهم و عنادهم حتى يلاقوا يومهم الهلاك عند النفخة الأولى، اى نفخة الصعق.

(wahai Muhammad) biarkanlah mereka dengan sikap melampaui batas dan degil sehingga mereka menemui hari yang padanya mereka akan binasa ketika tiupan sangkakala kali pertama iaitu tiupan kemiaan.

﴿يَوْمَ لَا يُغْنِي عَنْهُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ﴾ (٤٦)

(lailu) hari segala rancangan jahat dan tipu daya mereka tidak dapat mendatangkan sebarang faedah kepada mereka, dan mereka pula tidak diberikan pertolongan

﴿وَأَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا دُونَ ذَلِكَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾ (٤٧)

إن هؤلاء الظلمة عذابا دون يوم القيامة، و هو القتل ببدر، و القحط سبع سنين، و عذاب القبر، و لكن أكثرهم لا يعلمون ذلك.

Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa selain dari azab pada hari kiamat iaitu dibunuh dalam peperangan Badar, kemarau selama 7 tahun dan azab kubur, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya) perkara tersebut.

ما يستفاد من الآيات :

- ١- وقوع العذاب لا محالة بالكفار والمكذابين.
- ٢- انتفاع الذرية المؤمنة بالعمل الصالح لأبائهم.
- ٣- تسفيه عقول المشركين، لتكذيبهم رسول الله ﷺ
- ٤- الله تعالى يأمر نبيه ﷺ بالذكر في الليل و النهار والأمر لحضرتة أمر لأمتة من باب أولى.

Pengajaran Ayat:

1. Berlakunya azab adalah pasti terhadap orang kafir dan pendusta.
2. Amalan Soleh anak-anak memberi kebaikan kepada orang tua mereka.
3. Bodohnya akal orang kafir kerana mendustakan Rasulullah saw.
4. Allah swt memerintahkan nabiNya saw berzikir di waktu malam dan siang. Perintah untuk baginda ini adalah juga perintah untuk umatnya dan tentunya ia lebih utama.

* ﴿أَعْيُنَنَا﴾ جمع " العين " لأن الضمير بلفظ الجماعة .

﴿ وَمِنَ اللَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَإِدْبَرَ النُّجُومِ ﴾ (٤٩)

فسبح بحمد ربك من الليل إلى أن أدبرت النجوم من آخر الليل .

Dan juga hendaklah engkau bertasbih kepadaNya pada waktu malam sehingga ketika bintang-bintang tenggelam pada akhir malam (waktu Subuh).

* المراد بـ " الأمر " ﴿ فَسَبِّحْهُ ﴾ بقول : " سبحان الله و بحمده " في هذه الأوقات .

و قيل : التسبيح : الصلاة اذا قام من نومه ،

و من الليل : صلاة العشاءين - المغرب و العشاء ،

و إدبار النجوم : صلاة الفجر .

Maksud kata perintah (فسبِّحه) ialah menyebut () pada waktu-waktu tersebut.

Pendapat lain : Tasbih ialah melakukan solat selepas bangun tidur.

(إدبار النجوم) ialah solat Subuh. (من الليل) ialah solat Maghrib dan Isyak.

- (١) صدق الوحي
(الآيات ١ - ١٨)
- (٢) عدم فائدة الأصنام
(الآيات ١٩ - ٢٦)
- (٣) تسمية المشركين الملائكة بنات الله
(الآيات ٢٧ - ٣٠)
- (٤) جزاء المسيئين و المحسنين
(الآيات ٣١ - ٣٢)
- (٥) توبيخ بعض المشركين
(الآيات ٣٣ - ٣٧)
- (٦) من مظاهر العدل الإلهي
(الآيات ٣٨ - ٤٢)
- (٧) من مظاهر قدرة الله تعالى
(الآيات ٤٣ - ٥٤)
- (٨) الإعاض بالقرآن
(الآيات ٥٥ - ٦٢)

سورة النجم

(مكية : : إثنان و ستون آية)

* في قوله تعالى : ﴿ أَفْتُمِرُونَهُ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ﴾ : في استخدام حرف جر (على) بدلا من استخدام حرف الجر (في) ، دلالة على أن هذا الأمر مُعطى من الله ، هبة لنبينا ﷺ ، فهذه الأشياء التي يراها كجبريل و كالموحى لا تؤخذ بعلم ، بل هي فضل من الله .

Menggunakan huruf jar () berbanding huruf jar () untuk menunjukkan perkara ini adalah pemberian Allah swt kepada nabi saw. Perkara-perkara yang boleh dilihat ini seperti malaikat Jibril a.s, dan wahyu tanpa belajar sebenarnya ia adalah kurniaan Allah swt.

الشرح :

﴿ وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ ﴿١﴾ مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ﴿٢﴾ ﴾ (٢-١)

أقسم الله بجنس النجوم إذا غرب ، أو انتشر يوم القيامة ، ما عدل عن قصد الحق (مُحَمَّد ﷺ) و ما وقع في اتباع الباطل .

قيل : الضلال نقيض الهدى ، و الغي نقيض الرشد ، أى : هو مهتد راشد ، وليس كما تزعمون من نسبتكم إياه الى الضلال و الغي .

Allah swt bersumpah dengan jenis bintang semasa ia menjunam atau bertebaran pada hari kiamat

Nabi Muhammad (yang kamu tuduh dengan berbagai tuduhan itu), tidaklah dia menyeleweng (dari jalan yang benar) dan dia pula tidak sesat (dengan kepercayaan yang salah).

Pendapat lain: Kesesatan lawannya petunjuk, kebatilan itu lawannya jalan yang lurus, maksudnya Baginda adalah orang yang mendapat petunjuk dan benar, bukanlah seperti tuduhan kamu bahawa beliau sesat dan menyeleweng.

* ﴿صاحبكم﴾ الخطاب لقريش

سورة النجم

مكية و هي : إثنان و ستون آية

(١) صدق الوحي

معاني المفردات

تَدَلَّى : نزول بقرب الشيء	{ هَوَى : غرب / أو انتشر يوم القيامة
أَفْتُمِرُونَهُ : أفتجادلونه	مَا ضَلَّ : ما عدل عن قصد الحق
رَأَاهُ : رأى مُحَمَّد جبريل	صاحب : مُحَمَّد (ص)
نَزَلَةٌ أُخْرَى : مرة أخرى من النزول	وَمَا غَوَى : ما وقع في اتباع الباطل
سِدْرَةَ الْمُنْتَهَى : الجمهور : شجرة نبق في السماء السابقة عن يمين العرش	شَدِيدُ الْقُوَى : ملك شديد قواه / جبريل (عند الجمهور)
الْمُنْتَهَى : موضع الإنتهاء	ذُو مِرَّةٍ : ذو منظر حسن
جَنَّةُ الْمَأْوَى : الجنة التي يصير اليها المتقون	فَأَسْتَوَى : فاستقام على صورته الحقيقة
طَغَى : جاوز	بِالْأَفُقِ الْأَعْلَى : مطلع الشمس
	دَنَا : قرب

سرّ البلاغى :

* في قوله تعالى : ﴿ فَأَوْحَىٰ إِلَىٰ عَبْدِهِ مَا أَوْحَىٰ ﴾ : إهام الموحى به، للتعظيم و التهويل

Ini kerana Rasulullah ingin melihat Jibril rupanya yang asal, lalu ia memenuhi ufuk di langit
Pendapat lain : tidak ada seorang nabi pun yang melihat malaikat Jibril a.s dengan rupanya yang asal kecuali nabi Muhammad saw 2 kali iaitu sekali di bumi dan sekali di langit.

﴿ شَدِيدُ الْقُوَى ﴾ : قال الجمهور : هو جبريل عليه السلام .

من مظاهر قوة جبريل عليه السلام : أنه اقتلع قُرى قوم لوط من الماء الأسود ، و حملها على جناحه ، و رفعها الى السماء ثم قلبها. وصاح صيحة بتمود ، فاصبحوا جائعين .

Kebanyakan ulamak mengatakan Syadidul Quwa ialah malaikat Jibril a.s.

Antara tanda kekuatan Jibril a.s : mencabut perkampungan kaum Lut sehingga menjadi kawasan air hitam dan mengangkutnya di atas sayapnya ke langit kemudian menterbalikkan. Dia menjerit dengan satu jeritan kepada kaum Thamud, lalu mereka menjadi kaku tidak bernyawa.

﴿ وَهُوَ بِالْأَفُقِ الْأَعْلَى ﴾ ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّى ﴿ فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَى ﴾ (٧-٩)
و جبريل عليه السلام في مطلع الشمس ، / ثم قرب جبريل من رسول الله ﷺ ، ثم زاد في القرب ، / فكان القرب بمقدار قوسين عربيتين ، أو أقرب من ذلك .

Sedang Jibril a.s berada di arah tempat terbitnya matahari (di langit); Kemudian Jibril a.s mendekati dirinya kepada Nabi Muhammad saw, lalu dia berjuntai sedikit demi sedikit Sehingga menjadilah jarak (di antaranya dengan Nabi Muhammad) sekadar dua hujung busaran panah atau lebih dekat lagi

﴿ أَوْ أَدْنَى ﴾ . أى : على تقديركم ، و هذا لأنهم خوطبوا على لغتهم ، و مقدار فهمهم ، و هم يقولون : هذا قدر رحين أو أنقص .

Mengikut ukuran kamu. ini kerana ianya menggunakan bahasa mereka dan tahap kefahaman mereka. oleh itu mereka berkata: Jarak (di antara Jibril a.s dengan nabi Muhammad saw) sekadar dua hujung busaran panah atau lebih dekat lagi

* عبر بلفظ ﴿ صاحبكم ﴾ والمقصود به النبي مُحَمَّد ﷺ لأنه صاحبهم طوال أربعين سنة لم تَشُبْه شائبة أو شيء يُخِلُّ بالمرءة .

* ﴿ وَالنَّجْمِ ﴾ أقسم الله تعالى بجنس النجوم . وجواب القسم - ﴿ مَا ضَلَّ ﴾

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَى ﴾ ﴿ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى ﴾ (٣-٤)

وما أتاكم به من القرآن ليس بمنطق يصدر عن هواه و رأيه ، إنما هو وحى من عند الله يُوحى اليه .

Dan apa yang dia bawa kepada kamu daripada al Quran itu bukanlah kata-kata yang lahir dari kemahuan dan pendapatnya sendiri.Sesungguhnya segala yang diperkatakannya itu adalah wahyu dari Allah swt yang diwahyukan kepadanya

﴿ عَامَّهُ شَدِيدُ الْقُوَى ﴾ ذُو مِرَّةٍ فَاسْتَوَى ﴿ (٥-٦)

علم مُحمَّد ﷺ ملكٌ شديد قواه و هو جبريل عليه السلام ، ذو منظر حسن ، فاستقام على صورته الحقيقية ، دون الصورة الآدمية التي كان ينزل بها على الرسول ﷺ .

Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepada nabi Muhammad saw oleh malaikat yang amat kuat gagah iaitu malaikat Jibril a.s, lagi yang mempunyai kebijaksanaan; kemudian dia memperlihatkan dirinya (kepada baginda) dengan rupanya asal, bukan dalam bentuk manusia yang biasa turun kepada nabi saw.

ذلك أن رسول الله ﷺ أحب أن يراه (جبريل) في صورته الحقيقية ، فاستوى له في الأفق الأعلى ، و هو أفق الشمس - فملاً الأفق .

وقيل : ما رآه احد من الأنبياء عليهم السلام في صورته الحقيقية سوى مُحَمَّد ﷺ مرتين: مرة في الأرض و مرة في السماء.

﴿ إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَى ﴾ (١٦)

رأى مُجَدِّ جِبْرِيلَ ﷺ حين يغشى السدرة ما يغشى .

و قيل : يغشاها الجم الغفير من الملائكة ، يعبدون الله تعالى عندها .

و قيل : يغشاها فراش من ذهب .

Nabi Muhammad saw melihat Jibril (dalam bentuk rupanya yang asal) pada kali ini ialah semasa "Sidratul Muntaha" itu diliputi oleh sesuatu yang meliputi

Satu pendapat: semasa "Sidratul Muntaha" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhinnga, mereka menyembah Allah di sana.

Pendapat lain: hanya dilitupi hamparan daripada emas

﴿ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَى ﴾ (١٧)

أن بصر رسول الله ﷺ ما عدل عن رؤية العجائب التي مرَّ برؤيتها و مكن منها ، و ما جاوز ما أمر برؤيته .

Penglihatan nabi Muhammad saw tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya dan tidak pula melampaui batas

﴿ لَقَدْ رَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَى ﴾ (١٨)

والله لقد رأى الآيات التي هي كُبراهها و عظمأها ، يعنى حين رقى به الى السماء ، فرأى عجائب الملكوت .

Demi Allah, sesungguhnya, dia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan Tuhannya, iaitu ketika naik ke langit dan melihat keajaiban alam.

﴿ فَأَوْحَىٰ إِلَىٰ عَبْدِهِ مَا أَوْحَىٰ ﴿١٠﴾ مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَىٰ ﴿١١﴾ أَفْتُمِرُونَهُ عَلَىٰ مَا

يَرَىٰ ﴿١٢﴾﴾ (١٠-١٢)

فأوحى جبريل عليه السلام إلى عبد الله ﷺ ، و لم يجر له - تعالى - ذكرا ، لكونه في

غاية الظهور ، و أجهم سبحانه ما أوحاه تفخيما للوحى الذى أوحى إليه* و ما كذب

فؤاد مُجَدِّ ﷺ ما رآه بعينه و عرفه بقلبه، ولم يشك في أن ما رآه حق،* أفتجادلونه على ما

يراه مُعَايَنَه ، مجادلة في الباطل **على ما يرى** .

Lalu Jibril a.s membawa wahyu kepada hamba Allah iaitu nabi Muhammad saw. tidak disebut Allah swt di sini kerana ianya amatlah jelas. Allah swt tidak nyatakan apa yang telah diwahyukanNya sebagai membesarkan wahyu tersebut. Hati nabi Muhammad saw tidak mendustakan apa yang dilihatnya dengan matanya dan memahami dengan hatinya dan pastilah apa yang dilihat baginda itu adalah kebenaran. Jika demikian, patutkah kamu hendak membantahnya mengenai apa yang telah dilihatnya itu?

﴿ وَلَقَدْ رَأَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾ ﴾

ولقد رأى مُجَدِّ جِبْرِيلَ عليه السلام مرة أخرى من النزول في صورة نفسه فرآه عليها ،

وذلك في ليلة المعراج **عند سدرة المنتهى** ، و عند سدرة المنتهى الجنة التى يصير إليها

المتقون، وقيل: تأوى إليها أرواح الشهداء .

Dan demi sesungguhnya! nabi Muhammad saw telah melihat malaikat Jibril a.s sekali lagi, dalam bentuk rupanya yang asal iaitu pada malam mi'raj di sisi Sidratul Muntaha. Di sisi "Sidratul-Muntaha" itu terletaknya Syurga yang akan didiami orang bertakwa.

Pendapat lain: Tempat dihuni roh-roh orang mati syahid

* نُصِبَتْ ﴿نَزْلَةً﴾ نَصَبَ الظرف الذى هو مرة.

Beritahu kami perkara-perkara ini yang kamu sembah selain Allah swt, Adakah ianya mempunyai kekuasaan dan keagungan yang digambarkan oleh Allah swt?

"Al-Laat" dan "Al-Uzza" adalah tuhan berhala mereka, ia adalah perempuan.

"Al-Laat" adalah nama berhala bagi qabilah Thaqif di Taif . "Al-Uzza" adalah bagi qabilah Ghatfan. "Al Manat" adalah batu berhala bagi qabilah Huzail dan Khuza'ah. Pendapat lain : "Al Manat" adalah bagi qabilah Thaqif. Dinamakan al Manat kerana ditumpahkan darah orang yang menyembah padanya.

"Manaat" yang ketiga, yang tercela iaitu bertaraf rendah lagi hina itu (layakkah disembah dan dianggap sebagai anak-anak perempuan Allah)?

﴿ اَلْكُمْ الذَّكْرُ وَلَهُ الْاٰتٰتٰى ﴾ تَلٰكِ اِذَا قِسْمَةٌ ضِىْرٰى ﴿ ٢١-٢٢ ﴾

جَعَلَكُمْ اللهُ الْبِنَاتِ وَ لَكُمْ الْبَنِيْنَ ، تَلِكِ قِسْمَةٌ جَائِرَةٌ .

(Patutkah) kamu membahagi untuk Allah anak perempuan (yang kamu benci), dan untuk diri kamu sendiri anak lelaki (yang kamu sukai)? Itu adalah pembahagian yang zalim.

﴿ اِنْ هِيَ اِلَّا اَسْمَاءٌ سَمِيْتُمْوَهَا اَنْتُمْ وَاٰبَاؤُكُمْ مَا اَنْزَلَ اللهُ بِهَا مِنْ سُلْطٰنٍ اِنْ يَتَّبِعُوْنَ اِلَّا

الظَّنَّ وَمَا تَهْوٰى الْاَنْفُسُ ۗ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِّنْ رَبِّهِمْ اِهْدٰى ﴿ ٢٣ ﴾

Ma الأصنام ليس تحتها في الحقيقة مسميات ، لأنكم تدعون الالهية لما هو أبعد شئ منها و أشد منافاة لها ، سميت بها **أنتم و آباؤكم** ، لأن ما أنزل الله بها من حجة ، إلا توهم أن ما هم عليه حق ، و ما تشتبهيه أنفسهم ، و لقد أتاهم من ربهم الرسول و الكتاب فتركوه ، و لم يعملوا به.

Benda-benda yang kamu sembah itu tidak lain hanyalah nama-nama kerana kamu mendakwa ketuhanan bagi sesuatu. lebih jauh daripadanya dan begitu bertentangan dengannya. Kamu dan datuk nenek kamu lah yang menamakannya, kerana Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Mereka yang berbuat demikian, tidak menurut melainkan sangkaan-sangkaan dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsunya. Padahal demi sesungguhnya telah datang kepada mereka petunjuk dari Tuhan mereka iaitu Rasulullah saw dan al Quran lalu mereka meninggalkannya dan tidak beramal dengannya.

(٢) عدم فائدة الأصنام

معاني المفردات	
تَهْوَى : تشتهى	ضَيْرَى : جائرة
أَهْدَى : الرسول / الكتاب	سُلْطٰن : حجة
لَا تُغْنِي : لا تنفع	الظَّن : التوهم

سر البلاغى :

* في قوله تعالى : ﴿ اَلْكُمْ الذَّكْرُ وَلَهُ الْاٰتٰتٰى ﴾ : استفهام توبيخى .

* قوله تعالى : ﴿ اَمْ لِلْاِنْسٰنِ مَا تَمَنٰى ﴾ : استفهام إنكارى .

* بين (ضل) و (اهتدى) - طباق .

الشرح :

﴿ اَفَرَأَيْتُمْ اَللَّتْ وَاَلْعَزٰى ﴾ وَمَنْوَةٌ اَلثَّلَاثَةُ الْاٰخَرٰى ﴿ ٢٠-١٩ ﴾

أخبرونا عن هذه الأشياء التي تعبدونها من دون الله عز و جل ، هل لها من القدرة و العظمة التي وُصف بها رب العزة سبحانه و تعالى؟. فاللات و العزى ، أصنام لهم، وهي مؤنثات . فاللات : اسم لصنم كان لثقيف بالطائف . و العزى : كانت لغطفان . و مناة : صخرة كانت لهذيل و حُزاعة ، و قيل : لثقيف، وكأنها سميت "مناة" ؛ لأن دماء النسائك كانت تُمنى عندها ، أى: تُراق . **الأخرى** : هى صفة ذم ، أى : المتأخرة الوضيعة المقدار .

﴿ أَمْ لِلْإِنْسَانِ مَا تَمَنَّى ﴾ (٢٤)

ليس للإنسان الكافر ما تمنى من شفاعاة الأصنام .

Manusia yang kufur tetap tidak akan dapat mencapai segala yang dicita-citakannya iaitu pertolongan berhala mereka.

* ﴿ أَمْ ﴾ منقطعة بمعنى "بل" و الهمزة فيها - الإنكار

و قيل : هو تمنى بعضهم أن يكون هو النبي .

﴿ فَلِلَّهِ الْآخِرَةُ وَالْأُولَى ﴾ (٢٥)

هو الله مالكهما - مالك الآخرة و الدنيا ، و له الحكم فيهما ، يعطى النبوة و الشفاعاة من شاء و ارتضى ، لا من تمنى .

Dialah Allah yang menguasai segala urusan akhirat dan urusan dunia dan mentakdir kedua-duanya. Dialah yang memberikan kenabian dan syafaat kepada sesiapa yang dikehendaki dan diredhaiNya, bukannya mereka (orang kafir) yang hanya bercita-cita sahaja.

﴿ وَكَمْ مِنْ مَلَكٍ فِي السَّمَوَاتِ لَا تُغْنِي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا إِلَّا مِنْ بَعْدِ أَنْ يَأْذَنَ اللَّهُ لِمَنْ

يَشَاءُ وَيَرْضَى ﴾ (٢٦)

أمر الشفاعاة ضيق ، فإن الملائكة مع قُرْبهم و كثرتهم لو شفَعوا بأجمعهم لأحد ، لم تغن شفاعتهم شيئاً قط، و لا تنفع إلا اذا شفَعوا من بعد أن يأذن الله في الشفاعاة لمن يشاء الشفاعاة له، و يرضاه و يراه أهلاً لأن يشفع له ، فكيف تشفع الأصنام اليه لعابديها ؟.

Urusan Syafaat adalah begitu sukar. Sesungguhnya malaikat yang banyak dan begitu hampir dengan Allah swt, sekiranya semua mereka memberi syafaat untuk seseorang, maka tidak cukup dan tidak berguna sedikitpun kecuali sesudah Allah mengizinkan syafaat tersebut bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan diredhaiNya serta layak untuk memberi syafaat. Bagaimana berhala boleh memberi pertolongan mereka yang menyembahnya.

﴿ فَأَعْرَضَ عَنْ مَنْ تَوَلَّىٰ عَنْ ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴾ (۲۹)

فأعرض عمن رأته مُعرضاً عن ذكر الله ، اى القرآن ، ولم يرد الا اختيارهم الدنيا و الرضا بها .

Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) hiraukan orang yang berpaling dari pengajaran Kami iaitu al Quran dan tidak mahu melainkan kehidupan dunia semata-mata dan suka terhadapnya

﴿ ذَٰلِكَ مَبْلُغُهُمْ مِّنَ الْعِلْمِ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّٰ عَن سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَن

أَهْتَدَىٰ ﴾ (۳۰)

أن اختيار المشركين الدنيا و الرضا بها هو منتهى علمهم ، وأن الله هو أعلم بالضالّ والمهتدى و يجازيها .

Sesungguhnya pilihan orang musyrikin terhadap kehidupan dunia dan menyukainya itu adalah ilmu mereka yang paling tinggi, sedangkan Allah jualah yang yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayat petunjuk dan membalas kedua-duanya.

معاني المفردات	
تَوَلَّىٰ : تُعْرِضُ	الظَّنَّ : تقليد الآباء
مبلغ : منتهى	لَا يُغْنِي : لا فائدة

الشرح :

﴿ إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ لَيَسْمُونَهُ الْمُؤْتَمِرِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ لَيَسْمُونَهُ الْمُؤْتَمِرِينَ ﴾ (۲۷)

إن الذين لا يؤمنون بإيماننا صادقاً بالآخرة قد سمو كل واحد من الملائكة بنتاً ، لأنهم قالوا : الملائكة بنات الله .

Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman dengan keimanan yang sebenar dengan hari akhirat sahajalah, yang tergamak menamakan setiap malaikat itu dengan nama perempuan kerana mereka berkata: Para malaikat itu adalah anak-anak perempuan Allah.

﴿ وَمَا هُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ ۚ إِنَّ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ ۚ وَإِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا ﴾ (۲۸)

وما للمشركين به من علم بما يقولون ، و أنهم مقلدون آباءهم ، و انما يعرف الحق هو الذى هو حقيقة الشئ بالعلم و التيقن لا بالظن و التوهم .

Sedangkan orang musyrikin itu tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai tentang apa yang mereka katakan. Mereka hanyalah mengikut datuk nenek mereka. Sesungguhnya kebenaran itu - yang merupakan hakikat sesuatu - dapat diketahui dengan ilmu pengetahuan dan keyakinan bukannya dengan sangkaan dan andaian.

﴿ الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ اتَّقَى ﴾ (٣٢)

﴿ الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ﴾

هم الذين يتعدون الكبائر من الإثم ، لأن الإثم جنس يشتمل على كبائر و صغائر ، و الكبائر الذنوب التي يكبر عقابها ، و أفحش من الكبائر، الا الصغائر .

الكبائر: الذنوب التي يكبر عقابه ، أو ما أوعده الله عليه النار ، كشرك بالله و عقوق الوالدين .

الفواحش: ما شرع فيه الحد ، كالقتل العمد و الزنى والقذف والشرب الخمر.

اللمم (الصغائر) : ما ليس من الكبائر و الفواحش ، كالنظرة ، والقبلة ، و اللمسة و الغمزة .

(Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar - kerana dosa merangkumi dosa besar dan kecil. Dosa besar adalah dosa yang berat balasannya - serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan).

Dosa besar adalah dosa yang berat balasannya atau dosa yang dijanjikan neraka oleh Alla swt seperti menyekutukan Allah swt dan derhaka kepada ibubapa

Perbuatan-perbuatan yang keji ialah Dosa yang dikenakan hukuman hudud oleh syarak seperti membunuh dengan sengaja, berzina, menuduh berzina dan minumarak.

Kesalahan yang kecil iaitu bukan dosa besar dan bukan perbuatan keji seperti memandang aurat, mencium, menyentuh, mengenyit mata.

معاني المفردات

الحسنى : المثوبة ، الجنة	اللمم : الصغائر
الفواحش : أفحش من الكبائر	أنشأكم : خلق أباكم

الشرح :

﴿ وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسْتَوُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى ﴾ (٣١)

ولله مالك ما في السماوات و الأرض ، ليجزى للذين عملوا من سوء بعقاب ، بسبب ما عملوا من سوء ، و يجزى للذين عملوا الحسنات بالمثوبة الحسنى و هى الجنة أو بسبب الأعمال الحسنى .

والمعنى : أن الله عز وجل إنما خلق العالم وسوى هذا الملكوت ، ليجزى المحسن من المكلفين و المسئ منهم ، اذ الملك اهل لنصر الأولياء و قهر الأعداء .

Dan Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; (diciptakan semuanya itu) untuk membalas orang-orang yang berbuat jahat menurut apa yang mereka lakukan dan membalas orang-orang yang berbuat baik dengan balasan yang sebaik-baiknya iaitu syurga atau menurut amal kebaikan yang mereka lakukan.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah swt mencipta alam ini dan menyempurnakannya; untuk membalas orang mukallaf yang baik dan yang jahat, kerana raja itu berkuasa menolong hambanya yang taat dan mengalahkan musuhnya.

** حكم المدح اذا كان على سبيل الإعجاب و الرياء هو منهي عنه. وإذا كان على سبيل الإعتراف بالنعمة أو إثبات الحق جائز ، لأن المسرة بالطاعة طاعة و ذكرها شكر .

Hukum pujian, apabila ianya dengan cara rasa kagum dan menunjuk-nunjuk hukumnya adalah ditegah. Namun apabila ianya dengan cara mensyukuri nikmat atau menyatakan kebenaran, hukumnya adalah harus. Ini kerana orang yang suka kepada ketaatan adalah satu ketaatan dan menyebutnya adalah tanda syukur.

﴿ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى ﴾

قد علم الله التقى منكم ، فاكتفوا بعمله عن علم الناس ، و بجزائه عن ثناء الناس .

Sesungguhnya Allah swt mengetahui orang-orang yang bertakwa di kalangan kamu, oleh itu cukuplah dengan beramal tanpa perlu diketahui oleh orang lain dan cukuplah dengan balasan Allah swt berbanding dengan pujian manusia.

* ﴿ الَّذِينَ ﴾ بدل من ﴿ الَّذِينَ أَحْسَنُوا ﴾ في محل نصب أو في محل رفع على المدح

﴿ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ ﴾

إن الله واسع المغفرة ، فيغفر ما شاء من الذنوب من غير توبة ، و هو أعلم بكم حين خلق اباكم من الأرض ، و حين انتم في شكل أجنة في بطون أمهاتكم .

Sesungguhnya Allah swt Maha Luas keampunanNya. Dia akan mengampunkan dosa-dosa yang dikehendaknya tanpa taubat. Dia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Dia mencipta bapa kamu (berasal) dari tanah dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu;

فلا تنسبوا أنفسكم إلى زكاء العمل و زيادة الخير و الطاعات ، أو إلى الزكاة و الطهارة من المعاصي ، و لا تُثَنُّوا عليها ، فقد علم الله الزكى منكم و التقى أولاً و آخراً قبل أن يخرجكم من صلب آدم عليه السلام ، و قبل أن تخرجوا من بطون أمهاتكم .

maka janganlah kamu sandarkan kepada diri kamu bahawa amalan kamu suci bersih dan bertambah kebaikan dan ketaatan atau bahawa kamu suci dan bersih dari dosa. janganlah kamu memuji-muji diri dengan hal sedemikian. Sesungguhnya Allah swt sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang suci dan bertakwa sama ada terdahulu atau terkemudian sebelum kamu keluar dari tulang sulbi nabi Adam a.s dan sebelum kamu lahir dari perut-perut ibumu.

الشرح :

﴿ أَفْرَاءَيْتَ الَّذِي تَوَلَّى ﴿٣٣﴾ وَأَعْطَى قَلِيلًا وَأَكْدَى ﴿٣٤﴾ ﴾ (٣٤-٣٣)

أرأيت الذي أعرض عن الإيمان وقطع عطيته و أمسك، ثم بخل به و منعه .

Adakah engkau mengetahui (keburukan) orang yang berpaling daripada beriman dan berhenti dan tidak suka memberi seterusnya bersifat kedekut dan enggan memberi walaupun sedikit

أَكْدَى : أصله إكداء الحافر وهو أن تلقه كديبة: وهي صلابة كالصخرة فيمسك عن الحفر.

* عن ابن عباس رضى الله عنه : أنها نزلت فيمن كفر بعد الإيمان.

* وقال مجاهد و ابن زيد : أنها نزلت في الوليد بن المغيرة ، وكان قد اتبع رسول الله ﷺ ، فعيّره بعض الكافرين، وقال له : تركت دين الأشياخ، و زعمت أنهم في النار، قال : إني خشيت عذاب الله ، فضمن له ان هو أعطاه شيئاً من ماله و رجع الى شركه أن يتحمل عنه عذاب الله ، ففعل ، و أعطى الذى عاتبه بعض ما ضمن له ، ثم بخل به و منعه .

Daripada Ibnu Abbas berkata: ayat ini diturunkan pada orang kufur selepas beriman

Mujahid dan Ibnu Zaid berkata: ayat ini diturunkan pada al Walid bin Mughirah. Dia mengikut agama Rasulullah saw lalu beberapa orang kafir mencercanya dan berkata: Kamu telah meninggalkan agama datuk nenek dan kamu menyangka mereka dalam neraka. Al Walid berkata: Sesungguhnya aku takut azab Allah swt. Orang yang mencelanya berkata: "Berikan kepadaku sesuatu dari hartamu dan kembalilah kepada syirik. Aku jamin akan memikul seluruh dosa-dosamu. Lalu dia bersetuju (dengan ajakan tersebut) dan memberi kepada orang yang mencelanya sebahagian harta yang dipersetujui kepadanya dan menahan sebahagian yang lain kerana kedekut.

(٥) توبيخ بعض المشركين

معاني المفردات	
تَوَلَّى : أعرض	يُنْبَأُ : يُخْبِرُ
أَكْدَى : أمسك	صُحُفِ مُوسَى : التوراة
يَرَى : يعلم	وَقَى : أتم

سر البلاغى :

* في قوله تعالى : ﴿ أَفْرَاءَيْتَ الَّذِي تَوَلَّى ﴾ : **استعارة تصريحية**، فقد استعار الإِدْبَار والإِعْرَاض لعدم الدخول في الإيمان .

* في قوله تعالى : ﴿ وَأَعْطَى قَلِيلًا وَأَكْدَى ﴾ : **استعارة تصريحية** - شَبَّهَ من يعطى قليلا ثم يمسك عن العطاء بمن يمسك عن الحفر بعد أن حيل دونه بصلابة كالصخرة .

﴿ أَعِنْدَهُ عِلْمُ الْغَيْبِ فَهُوَ يَرَى ﴾ ﴿٣٥﴾ أَمْ لَمْ يُنَبِّأْ بِمَا فِي صُحُفِ مُوسَى ﴿٣٦﴾ وَإِبْرَاهِيمَ
الَّذِي وَفَّى ﴿٣٧﴾ ﴿٣٥-٣٧﴾

هل هو يعلم **علم الغيب**، فهو يعلم أن ما ضمنه من عذاب الله حق؟، أم لم يخبر بما في التوراة و في صحف إبراهيم ، الذي وَّفَّى و أتمّ .

(و عن الحسن : ما أمره الله بشيء إلا وَّفَّى به) .

Adakah dia mengetahui ilmu tentang perkara ghaib sehingga dia dapat mengetahui apa yang terkandung di dalamnya iaitu azab Allah swt itu adalah benar, atau belumlah dia diberitahu akan apa yang terkandung dalam kitab Taurat dan juga dalam kitab Nabi Ibrahim yang memenuhi dengan sempurnanya (segala yang diperintahkan kepadanya)?

Daripada al Hasan berkata: “Sesuatu yang diperintah Allah pasti la sempurnakannya”.

* ﴿وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَى﴾ (٤٠)

أن العبد سوف يرى هو سعيه يوم القيامة في ميزانه.

sesungguhnya hamba Allah itu akan melihat usahanya pada hari kiamat kelak di dalam timbangannya.

* ﴿ثُمَّ يُجْزَى الْعَبْدَ سَعِيهِ﴾ (٤١)

ثم يُجْزَى الْعَبْدَ سَعِيهِ (جزاه الله عمله وجزاءه على عمله) أو أبدله عنه .

Kemudian usahanya itu akan dibalas dan Allah swt akan memberi balasan setimpal terhadap amalan hambaNya atau menggantikannya (dengan lebih baik).

* ﴿وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَىٰ﴾ (٤٢)

وهذا كله في الصحف ابراهيم و موسى عليهما السلام ، وينتهي الى الله الخلق و يرجعون إليه .

Dan semua ini terdapat dalam kitab nabi Ibrahim dan nabi Musa a.s dan kepada hukum Tuhanmu lah kesudahan segala perkara dan kembali kepadaNya lah

معاني المفردات

وَأَزْرَةٌ : الإثم	سَعَى : عمل	الْجَزَاءُ : الثواب
--------------------	-------------	---------------------

الشرح :

* ﴿أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ﴾ (٣٨-٣٩) ﴿وَأَنَّ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ﴾ (٣٨-٣٩)

ثم اعلم بما في صحف موسى وإبراهيم ، إذا اكتسب الإثم ، وألا تحمل نفس ذنب نفس. **وَأَنَّ لَيْسَ لِلنَّفْسِ إِلَّا سَعِيهِ** ، وهذه أيضا مما في صحف ابراهيم و موسى عليهما السلام .

Kemudian ketahuilah kamu tentang apa yang terdapat di dalam kitab-kitab nabi Musa a.s dan nabi Ibrahim a.s iaitu apabila seseorang itu melakukan dosa sesungguhnya ia tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); Dan sesungguhnya tidak ada balasan bagi seseorang melainkan balasan apa yang diusahakannya. Ini juga antara perkara yang terdapat kitab-kitab nabi Musa dan nabi Ibrahim a.s

* ﴿أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ﴾ :

- ﴿أَنَّ﴾ : المخففة من الثقيلة، والمعنى : أنه لا تزر ، والضمير ضمير الشأن .
- محل ﴿أَنَّ﴾ و ما بعدها الجر **بدلاً** من ﴿في صحف موسى﴾
- أو في محل رفع : **خبر مبتدأ محذوف**، تقديره : (هو أن لا تزر).

الشرح :

﴿وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى﴾ (٤٣)

وأن الله خلق الضحك و البكاء وقيل: خلق الفرح و الحزن . وقيل : أضحك المؤمنين في الآخرة بالمواهب ، وأبكاهم في الدنيا بالنوائب

Dan sesungguhnya, Allah swt yang menciptakan tertawa dan menangis. Ada pendapat mengatakan: Allah swt yang menciptakan gembira dan dukacita. Pendapat lain: Orang mukmin itu tertawa (bergembira) di akhirat menerima pemberian Allah swt dan menangis (berdukacita) di dunia dengan bala bencana/ujian.

﴿وَأَنَّهُ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا﴾ (٤٤)

قيل: أمات الآباء و أحيا الأبناء ، أو أمات بالكفر وأحيا بالإيمان، أو أمات هنا و أحيا هناك.

Ada pendapat mengatakan: Dialah yang mematikan datuk nenek dan menghidupkan anak-anak. Atau Dialah yang mematikan dengan sebab kufur dan menghidupkan dengan keimanan, atau Dialah yang mematikan di sini (dunia) dan menghidupkan di sana (akhirat).

﴿وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى﴾ (٤٥) ﴿٤٦﴾

وأن الله خلق الصنفين الذكر و الأنثى من نطفة إذا تدفق في الرحم .

Dan sesungguhnya, Allah swt yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan Dari setitis air mani ketika dipancarkan ke dalam Rahim.

معاني المفردات

الزَّوْجَيْنِ : الصنفين	وَقَوْمِ نُوحٍ : و أهلك قوم نوح
تُؤْمِنُ : تُدْفِقُ	مِّن قَبْلُ : من قبل عاد و ثمود
النَّشْأَةَ الْأُخْرَى : الإحياء بعد الموت	الْمُؤْتَفِكَةَ : إنقلبت
أَقْنَى : أعطى القنينة	أَهْوَى : أسقط
الشَّعْرَى : كوكب يطلع بعد الجوزاء في شدة الحر	غَشَّاهَا : ألبسها
عَادًا الْأُولَى : هم قوم هود (عاد الأخرى : إِرْم)	مَا غَشَّى : ما غطى

سر البلاغى :

قوله تعالى : ﴿أَضْحَكَ وَأَبْكَى﴾ و ﴿أَمَاتَ وَأَحْيَا﴾ و ﴿الذَّكَرَ وَالْأُنثَى﴾ : طباق إيجاب

قوله تعالى : ﴿فَغَشَّاهَا مَا غَشَّى﴾ : الإجماع للتعظيم و التهويل .

﴿ وَقَوْمَ نُوحٍ مِّن قَبْلُ إِنَّهُمْ كَانُوا هُمْ أَظْلَمَ وَأَطْغَى ﴾ (٥٢)

وأهلك الله قوم نوح من قبل عاد و ثمود، لأنهم كانوا يضربونه حتى لا يكون به حراك ، و ينفرون عنه حتى كانوا يحدرون صبيائهم أن يسمعوا منه .

Dan Allah swt yang membinasakan kaum Nabi Nuh sebelum kaum Aad dan Thamud, kerana mereka memukul baginda supaya kamu tidak bebas dan mereka menjauhkan kamu sehinggakan mereka memberi amarah kepada anak-anak mereka daripada mendengar dakwahnya.

﴿ وَالْمُؤْتَفِكَةَ أَهْوَى ﴾ (٥٣)

وأن الله أهلك قري قوم لوط التي إنقلبت بأهلها - رفعها الى السماء على جناح جبريل ، ثم أسقطها الى الأرض .

Dan Allah swt yang membinasakan perkampungan kaum nabi Lut yang ditunggang balikkan itu, Dialah yang mengangkatnya ke angkasa di atas sayap Jibril a.s kemudian menghempaskannya ke bumi.

* ﴿ وَالْمُؤْتَفِكَةَ أَهْوَى ﴾ : منصوبة بأهوى ، على أنها مفعول به .

﴿ فَغَشَّاهَا مَا غَشَّى ﴾ (٥٤)

ترتب ذلك الإهلاك ، فألبس القرى ما غطى ، لِمَا صُبَّ عليها من العذاب .

Terhasilnya kebinasaan tersebut, lalu penduduk perkampungan itu diliputi azab seksa yang meliputinya.

﴿ وَأَنَّ عَلَيْهِ النَّشْأَةَ الْأُخْرَى ﴿٤٧﴾ وَأَنَّهُ هُوَ أَغْنَى وَأَقْنَى ﴿٤٨﴾ ﴾ (٤٧-٤٨)

وأن على الله الإحياء بعد الموت و أعطى القنينة و هى المال الذى عزمت أن لا تخرجه من يدك .

Dan sesungguhnya, Allah swt yang tetap menghidupkan semula makhluk-makhluk yang mati. Dan Dialah yang memberikan (qinyah) iaitu harta yang kamu harapkan ianya tidak keluaranya dari tangan kamu.

﴿ وَأَنَّهُ هُوَ رَبُّ الشَّعْرَى ﴾ (٤٩)

وأن الله هو رب كوكب يطلع بعد الجوزاء فى شدة الحر ، وكانت خزاعة تعبدها ، فأعلم الله أنه ربّ معبودهم هذا .

Dan sesungguhnya, Allah swt adalah Tuhan Pencipta Bintang Syikra yang terbit selepas Jauza' dari segi teramat panas. Bintang ini disemabah oleh kabilah Khaza'ah. Saya mengetahui Allah swt itu adalah tuhan yang mereka sembah.

﴿ وَأَنَّهُ أَهْلَكَ عَادًا الْأُولَى ﴿٥٠﴾ وَثَمُودًا فَمَا أَبْقَى ﴿٥١﴾ ﴾ (٥٠-٥١)

وأن الله أهلك عاد الأولى قوم هود، عاد الأخرى إرم. أهلك ثمود حتى لا بقى منهم .

Dan sesungguhnya Allah swt yang membinasakan kaum "Aad" yang pertama iaitu kaum Nabi Hud, kaum "Aad" yang kedua ialah kaum Iram. Dan Dialah yang membinasakan kaum "Thamud" (kaum Nabi Soleh) sehingga tidak ada seorangpun dari kedua-dua kaum itu yang dibiarkan hidup.

﴿ أَزِفَتْ الْأَزْفَةُ ﴿٥٧﴾ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾ ﴾ (٥٧-٥٨)

قربت القيامة ، وليس لها نفس كاشفة مبينة متى تقوم ، أو قدرة على كشفها اذا وقعت إلا الله تعالى غير أنه لا يكشفها .

Telah hampir masa datangnya hari kiamat. Tidak ada sesiapaupun yang dapat mengetahui bilakah ianya berlaku atau mampu merungkainya apabila ia berlaku selain Allah swt jua tetapi Dia tidak memberitahu tentang perkara tersebut kepada makhlukNya.

﴿ أَفْمَنْ هَذَا الْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾ وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَتَّبِعُونَ ﴿٦٠﴾ ﴾ (٥٩-٦٠)

أفمن هذا القرآن تعجبون إنكارا و استهزاء و لا خشوعا ؟ .

Maka patutkah kamu merasa hairan terhadap keterangan-keterangan Al-Quran ini sehingga kamu mengingkarinya, Serta kamu tertawa (mengejek-ejeknya) dan kamu tidak mahu menangis (menyesali kesalahan kamu serta takutkan balasan buruk yang akan menimpa kamu)?

﴿ وَأَنْتُمْ سَمِدُونَ ﴿٦١﴾ فَاسْجُدُوا لِلَّهِ وَاعْبُدُوا ﴿٦٢﴾ ﴾ (٦١-٦٢)

وأنتم غافلون لاهون لاعبون ، فاسجدوا لله ، و اعبدوه ، و لا تعبدوا الآلهة المزعومة ، كالأصنام .

Sedang kamu adalah orang-orang yang lupa, lalai dan main-main. Oleh yang demikian, hendaklah kamu sujud kepada Allah (yang telah menurunkan Al-Quran itu) dan beribadatlah kamu kepadaNya (dengan sepenuh-penuh tauhid) janganlah kamu menyembah tuhan yang sangkakan itu seperti berhala.

معاني المفردات

تَتَمَارَى : تتشكك	الْحَدِيثِ : القرآن
نَذِيرٌ : مُخَذِّعٌ (منذر)	تَعْجَبُونَ : إنكارا
أَزِفَتْ : قربت	تَضْحَكُونَ : استهزاء
كَاشِفَةٌ : مبينة (حتى تقوم)	سَمِدُونَ : غافلون ، لاهون ، لاعبون

الملاحظات :

﴿ فَبِأَيِّ آيَاتِ رَبِّكَ تَتَمَارَى ﴾ (٥٥)

فبأى نعمة ربك أيها المخاطب تتشكك بما أولاك من النعم أو بما كفاك من النقم .

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhanmu yang engkau ragu-ragukan dengan nikmat yang tidak terhingga itu atau dengan azab seksa yang mencukupkan kamu?

﴿ هَذَا نَذِيرٌ مِّنَ الْنُّذُرِ الْأُولَى ﴾ (٥٦)

مُخَذِّعٌ هُوَ مَنْذَرٌ مِنَ الْمُنْذَرِينَ الْأُولِينَ الَّتِي أَنْذَرَ بِهَا مِنْ قَبْلِكُمْ .

Nabi Muhammad saw adalah pemberi amaran di antara orang-orang terdahulu yang memberi amaran sebelum kamu.

ما يستفاد من الآيات :

١. أن النبي ﷺ معصوم في أفعاله و أقواله
٢. الإبتعاد عن الظن و الوهم و الهوى .
٣. إثبات رؤية النبي ﷺ لجبريل على صورته الملكية مرتين .
٤. تسفيه عقول المشركين؛ لعبادتهم أسماء لا مسميات لها في الواقع .
٥. مجازاة كل من المحسن و المسئ بعمله .
٦. النهى عن تركية المرء نفسه .
٧. قرب قيام الساعة و خفاؤها عن كل خلق الله .

Pengajaran daripada Ayat-ayat ini:

1. Nabi saw adalah “maksum” terpelihara daripada dosa dalam perbuatan dan kata-katanya.
2. Menjauhi bersangkaan, salah sangka dan hawa nafsu.
3. Mensabitkan Nabi saw melihat malaikat Jibril dua kali dalam bentuk asalnya.
4. Membodohkan akal orang kafir kerana ibadah mereka adalah semata-mata pada nama sahaja bukannya hakikat sebenar.
5. Balasan kepada setiap orang baik dan jahat terhadap amalannya.
6. Larangan daripada menganggap dirinya lebih suci.
7. Hampir berlaku kiamat dan hakikatnya tidak diketahui oleh semua makhluk Allah swt.

(١) قرب وقوع الساعة

(الآيات ١ - ٨)

(٢) الإيعاظ بهلاك المكذبين من الأمم السابقة

(الآيات ٩ - ٤٢)

(٣) توبيخ مشركى مكة على عدم الاعتبار بهلاك السابقين

(الآيات ٤٣ - ٤٦)

(٤) جزاء المجرمين و المتقين

(الآيات ٤٧ - ٥٥)

سورة القمر

(مكية : خمس وخمسون آية)

والجمهور على الأول: وهو المروي في الصحيحين، ولا يقال: لو انشق لما خفي على أهل الأقطار، ولو ظهر عندهم لنقلوه متواترا؛ لأن الطباع جبلت على نشر العجائب؛ لأنه يجوز أن يحجبه الله عنهم بغيرهم.

Pendapat kebanyakan ulama adalah berdasarkan pendapat pertama: Ini diriwayatkan dalam dua kitab Sahih (Bukhari dan Muslim): Tidak dikatakan: sekiranya terbelah bulan itu, nescaya tidak akan tersembunyi perkara tersebut dari penduduk tempat tersebut, dan sekiranya perkara tersebut kelihatan di kalangan mereka, nescaya mereka akan menyebarkan secara mutawatir (beramai-ramai); Kerana sifat semulajadi cenderung untuk menyebarkan perkara-perkara aneh; juga kerana harus bagi Allah menghalangi penglihatan mereka dengan awan.

﴿وَأَن يَرَوْا آيَةً يُعْرَضُوا وَيَقُولُوا سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ﴾

وإن يروا أهل مكة آية تدل على صدق محمد ﷺ ، يعرضوا عن الإيمان به ، ويقولوا سحر محكم قوى ، أو دائم مطرد، أو ما زُ داهب يزول ولا يبقى.

Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat yang menunjukkan kebenaran nabi Muhammad saw, mereka berpaling ingkar (tidak beriman dengan baginda) sambil berkata: (Ini ialah) sihir yang begitu kuat atau terus menerus berlaku atau datang kemudian hilang dan tidak kekal.

﴿وَكَذَّبُوا وَأَتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ وَكُلُّ أُمَّرٍ مُّسْتَقَرٌّ﴾

وكذبوا أهل مكة النبي ﷺ واتبعوا شهواتهم وما زين لهم الشيطان من دفع الحق بعد ظهوره، وكل أمر وعد هم الله كائن في وقته، وقيل: كل ما قُدِر واقع .

Dan mereka (kaum musyrik Mekah) mendustakan Nabi Muhammad saw serta menurut hawa nafsu mereka dan apa yang syaitan hiaskan kepada mereka iaitu menolak kebenaran setelah ianya datang, sedang tiap-tiap perkara tetap akan menurut keadaan yang ditentukan oleh Allah swt apabila tiba waktunya. Pendapat lain mengatakan: Setiap perkara yang ditentukan oleh Allah swt pasti berlaku.

سورة القمر

(مكية و هي : خمس و خمسون آية)

١ قرب وقوع الساعة

معاني الكلمات	
الْسَّاعَةَ : القيامة	مُسْتَقَرٌّ : كائن في وقته ، واقع
سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ : محكم قوى / دائم مطرد	الْأَنْبَاءَ : القرآن
أَهْوَاءَهُمْ : شهواتهم	مَزْدَجَر : منعت

الشرح:

﴿أَقْرَبَتْ السَّاعَةُ وَانْشَقَّ الْقَمَرُ﴾

قربت القيامة وانشق القمر نصفين .

قال ابن مسعود رضى الله عنه : رأيت حراء بين فلقي القمر . وقيل : معناه ينشق يوم القيامة .

Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat) dan terbelahlah bulan kepada dua bahagian.

- Ibnu Mas'ud r.a berkata: Saya melihat gua Hira di antara dua bahagian bulan".
- Ada pendapat mengatakan: maksudnya ialah akan terbelah pada hari kiamat.

في قوله تعالى : ﴿سَخَّرْجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ﴾: **تشبيه مرسل مفصل**،

حيث شبههم بالجراد المنتشر ، في الكثرة والتموج والإنتشار في الأقطار .

Ayat ini adalah bentuk **tasybih mursal mufassal** (*tasybih yang disebutkan adat dan wajah syabahnya*), di mana Allah swt menyamakan mereka dengan belalang yang berterbaran dengan banyak, beralun-alun, dan berterbangan ke seluruh tempat.

الشرح:

﴿حِكْمَةٌ بَلِغَةٌ فَمَا تُغْنِ التُّذُرُ﴾

هو حكمة بالغة نهاية الصواب أو بالغة من الله إليهم ، ولكن الإنذار من الرسل أو المنذر لا يغني فيهم .

Perkara tersebut ialah pengajaran yang cukup sempurna atau sampai kepada mereka daripada Allah swt, namun, segala peringatan dan amaran daripada para rasul atau orang yang memberi amaran itu tidak akan mendatangkan faedah kepada mereka (yang ingkar)

* ﴿حِكْمَةٌ﴾ بدل مرفوع من (ما) أو خبر مبتدأ محذوف، تقديره : هو حكمة.

* ﴿مَا﴾ ما نافية

﴿فَتَوَلَّ عَنْهُمْ يَوْمَ يَدْعُ الدَّاعِ إِلَىٰ شَيْءٍ نُّكْرٍ﴾

فتول عنهم يا الرسول ، لعلمك أن الإنذار لا يغني فيهم في **يوم** يخرجون ويدعوهم الملائكة

إلى شيء منكر فظيع تنكره النفوس ، لأنها لم تعهد بمثله ، و هو هول يوم القيامة .

Oleh itu, berpalinglah dari mereka wahai Muhammad (dan janganlah dihiraukan). Ingatlah, ancaman itu tidak membantu mereka, ketika malaikat yang menyeru mereka (pada hari kiamat) kepada perkara yang tidak diingini (oleh orang yang bersalah), Kerana dirinya tidak pernah menemui perkara seumpama itu iaitu ngerinya huru hara pada hari kiamat.

﴿وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنَ الْأَنْبَاءِ مَا فِيهِ مُزْدَجَرٌ﴾

ولقد جاء أهل مكة القرآن المودع فيه أنباء القرون الخالية ، أو أنباء الآخرة وما وصف من عذاب الكفار وازدجار عن الكفر .

Dan sesungguhnya! Telah sampai kepada penduduk Mekah Al-Quran yang menceritakan tentang kisah-kisah dan berita (umat-umat yang telah lalu), atau berita hari akhirat dan gambaran seksaan orang kafir dan mencegah mereka dari perbuatan kufur itu.

* أصله: مزيج، ولكن التاء إذا وقعت بعد زاي ساكنة أبدلت دالا؛ لأن التاء حرف مهموس والزاي حرف مجهور، فأبدل من التاء دالا لتوافق الزاي في الجهر.

معاني الكلمات	
بَلِغَةٌ : نهاية الصواب	الْأَجْدَاثِ : القبور
الدَّاعِ : ملائكة	مُهْطِعِينَ : مسرعين
نُكْرٍ : منكر فظيع (هول يوم القيامة)	عَسِرٍ : صعب شديد

سرِّ البلاغي :

في قوله تعالى : ﴿حُشْعًا أَبْصَرُهُمْ﴾ : **كناية** ، لأن خشوع الأبصار كناية عن الذلة ،

وذلك لأن ذلة الذليل، وعزة العزيز إنما تظهران في عيونهما .

Ayat ini adalah bentuk **kinayah** (metafora), kerana kerendahan mata adalah kiasan tentang kehinaan. Ini kerana hinanya orang yang hina dan mulianya mulia, ianya kelihatan di mata kedua-dua golongan itu.

ما يستفاد من الآيات :

- ١ الإخبار بقرب مجئ الساعة .
- ٢ عدم جدوى النذر لمن يتبع هواه .
- ٣ تقرير بأن البعث و الجزاء حق و واقع .
- ٤ بيان أن للقيامة أهوال .

Pengajaran ayat:

- 1- Memberitahu tentang hampirnya kedatangan hari kiamat
- 2- Sia-sia sumpah bagi seseorang yang mengikut keinginan nafsunya.
- 3- Kenyataan bahawa hari kebangkitan dan pembalasaan adalah hak dan benar-benar berlaku.
- 4- Menjelaskan bahawa hari kiamat itu mengerikan.

* نصب ﴿يَوْمٍ﴾ بـ ﴿يُخْرَجُونَ﴾ أو بإضمار اذكر.

قوله تعالى: ﴿خُشَعًا أَبْصَرُهُمْ تَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُنْتَشِرٌ﴾

أن حال من الخارجين ، حين يخرجون من القبور : تقع أبصارهم ، كأنهم جراد في كثرتهم و تفرقهم في كل جهة .

Keadaan orang yang keluar, ketika mereka keluar dari kubur : keadaan menundukkan pandangannya (kerana ketakutan), mereka seperti belalang (bilangannya begitu ramai) berterbangan di setiap arah.

﴿مُهْطِعِينَ إِلَى الدَّاعِ يَقُولُ الْكٰفِرُونَ هٰذَا يَوْمٌ عَسِرٌ﴾

أهم بعد أن يخرجوا من قبورهم ، جاءوا كالجراد مهطعين الى الداعي مسرعين مآدى أعناقهم اليه، يقولون : هذا يوم صعب شديد .

Selepas keluar dari kubur, mereka seperti belalang dengan cepatnya menuju kepada penyeru itu dengan leher mereka diikat kepadanya. (Pada saat yang demikian), orang-orang yang kafir berkata: Hari ini ialah hari yang amat sukar!

تَنْزِعُ : تقلعهم عن أماكنهم	كُلِّهَا بِنَايَتِنَا : بالمعجزات التسع
مُنْقَعِرٌ : منقلع عن مغارسه	مُنْقَعِدِرٌ : لا يعجزه شيء
سُعْرٌ : جنون	

سرّ البلاغى :

- ١ في قوله تعالى : ﴿فَفَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُنْهَرٍ﴾ : **استعارة تمثيلية** ، حيث شبّه تدفّق المطر من السحاب بانصباب أنهارٍ انفتحت بها أبواب السماء .
- ٢ في قوله تعالى : ﴿وَحَمَلْنَاهُ عَلَىٰ ذَاتِ أَلْوَحٍ وَدُسْرٍ﴾ : **كناية عن موصوف** و هو السفينة .
- ٣ في قوله تعالى : ﴿فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذْرِي﴾ : **استفهام تعظيم** و تعجب .
- ٤ في قوله تعالى : ﴿كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ﴾ : **تشبيه مرسل** ، حيث شبّهوا بأعجاز النخل ، وهى أصولها بلا فروع ، لأن الريح كانت تقلع رؤوسهم فتبقى أجسادا، و جُثثًا بلا رؤوس ، و زاد التشبيه حسنا، أنهم كانوا ذوى جُثث عظام طوال .
- ٥ في قوله تعالى : ﴿فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْحَتِّظِرِ﴾ : **تشبيه مرسل** ، حيث شبّههم بالشجر اليابس الذى يجمعه صاحب الحظيرة لماشيته .

معاني الكلمات	
قَبْلَهُمْ : قبل أهل مكة	أَأَلِّقِي : أنزل عليه
فَأَنْتَصِرُ : فانتقم لى	الْأَشِيرُ : بطر متكبر
مُنْهَرٍ : منصبٍ (فى كثرة وتتابع لم ينقطع) .	مُرْسَلُوا : باعثوا
عَلَىٰ أَمْرٍ : على حال	هُمْ فِتْنَةٌ : امتحانا لهم / ابتلاء
ذَاتِ أَلْوَحٍ : السفينة	فَأَرْتَقِبْهُمْ : فانتظرهم
دُسْرٌ : مسمار	صَاحِبُهُمْ : أشقاهم
بِأَعْيُنِنَا : بمرأى منا / بحفظنا / محفوظة بنا	فَعَقَرٌ : ذبح / قطع
لَمَنْ كَانَ كُفْرًا : نوح عليه السلام	كَهَشِيمٍ : الشجر اليابس المتَهَشِّم
مُدَّكِرٌ : متعظ / يعتبر / متذكر	بَطَشْتَنَا : أخذتنا
يَسَّرْنَا : سهّلنا	فَتَمَارَوْا : فكذبوا
لِلذِّكْرِ : الإذكار / الإعطاء	رَاوُدُوهُ : طلبوا الفاحشة من أضيافه
رِيحًا صَرَصْرًا : ريحا باردا / شديد الصوت	فَطَمَسْنَا : فأغمينا
نَحْسٍ : سُوء	بُكْرَةٌ : أول النهار
مُسْتَمِرٌ : دائم الشر	مُسْتَقِرٌ : ثابت

﴿فَفَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُّهِيرٍ ﴿١٠١﴾ وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَى أَمْرٍ

قَدْ قُدِّرَ ﴿١٠٢﴾﴾

ترتب من دعاء نوح عليه السلام، ففتحننا أبواب السماء بماء مُنْصَبٍ في كثرة و تتابع لم ينقطع، / وفجّرنا الأرض عيوناً، فاللقى مياه السماء و الأرض على حال قدرها الله كيف شاء، أو على أمر قد قُدِّرَ في اللوح المحفوظ، و هو هلاك قوم نوح بالطوفان .

Hasil daripada doa nabi Nuh a.s itu, maka Kami bukakan pintu-pintu langit, dengan menurunkan hujan lebat yang mencurah-curah, Dan Kami jadikan bumi memancarkan mata air-mata air (di sana sini), lalu bertemulah air langit dan bumi itu untuk (melakukan) satu perkara yang telah ditetapkan oleh Allah swt mengikut kehendakNya atau berdasarkan ketentuan yang ditetapkan di Luh Mahfuz iaitu binasanya kaum nabi Nuh a.s dengan banjir besar.

قوله تعالى : ﴿وَحَمَلْنَاهُ عَلَىٰ ذَاتِ الْأَلْوَابِ دُسرٍ ﴿١٠٣﴾ تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءً لِّمَن كَانَ كُفِرًا﴾
ثم حملنا نوح عليه السلام على السفينة المسمار، / التي تجرى بمزأى منا أو بحفظنا، و فعلنا ذلك جزاءً لنوح عليه السلام .

Kemudian Kami bawa naik Nabi Nuh (berserta pengikut-pengikutnya) di atas (bahtera yang dibina) dari keping-keping papan dan paku; /

Yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami; Kami melakukan yang demikian (dan menimpakan taufan itu) sebagai balasan (bagi orang-orang yang kufur ingkar!) sebagai menunaikan permintaan nabi Nuh a.s

* موقع الإعراب

- (بِأَعْيُنِنَا) : **حال** من الضمير في (تجرى) ، و معناه : محفوظة بنا .

- (جَزَاءً) : **مفعول به** ، و معناه : فعلنا ذلك جزاءً .

الشرح:

﴿كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَجْنُونٌ وَازْدُجِرَ ﴿١٠٤﴾﴾

كذبت قبل أهل مكة قوم نوح حيث كذبوا نوحا عليه السلام، و قالوا أن نوح مجنون و زجر عن أداء الرسالة بالشتيم و هُدِّد بالقتل .

Sebelum penduduk Mekah, kaum Nabi Nuh juga telah mendustakan (Rasulnya); mereka menuduhnya dengan berkata: Dia seorang gila dan dia telah diancam (dan dihalang) daripada menjalankan dakwah agama dengan celaan dan ancaman bunuh.

* المراد بـ (اَزْدُجِرَ) أى زجر عن أداء الرسالة بالشتيم و هُدِّد بالقتل أو تخبطته الجن و ذهبت بعقله .

﴿فَدَعَا رَبَّهُ أَنِّي مَغْلُوبٌ فَأَنْتَصِرْ ﴿١٠٥﴾﴾

فدعا نوح عليه السلام ربه : بأني غلبني قومي، فلم يسمعوا مني ، و استحکم اليأس من إجابتهم لي، فانتقم لي منهم بعذاب تبعثه عليهم.

Lalu nabi Nuh a.s berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: Sesungguhnya aku ini dikalahkan oleh kaumku (yang ingkar), mereka tidak mendengar dakwahku dan mereka tidak akan sekali-kali menerima dakwahku. oleh itu menangkanlah daku (terhadap mereka) dengan azab yang Engkau akan turunkannya ke atas mereka.!

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي يَوْمٍ نَحْسٍ مُّسْتَمِرٍّ﴾

أن العذاب الذي ارسلنا عليهم هو ريحا باردا أو شديد الصوت في يوم شؤم دائم الشر استمر عليهم حتى أهلكهم .

Sesungguhnya azab yang Kami telah hantarkan kepada mereka iaitu angin ribut yang kencang atau suara yang terlalu kuat, pada hari nahas yang berlanjutan sehinggalah mereka binasa.

﴿تَنَزَّعُ النَّاسُ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُّنْقَعِرٍ﴾

أن الريح تقلعهم عن أماكنهم ، و كانوا يصطفون آخذًا بعضهم بأيدي بعض و يتداخلون في الشعاب ، و يحفرون الحفر فيندسون فيها فتنزعهم و تكبهم و تدق رقابهم ، / كأنهم أصول نخل منقلع عن مغارسه .

Agin ribut yang mengusir mereka dari tempat duduk mereka, sedangkan mereka berbaris, saling berpegangan tangan, dan bertindih-tindih memasuki kawasan lembah (di celah-celah bukit), mereka menggali lubang dan masuk di dalamnya, Lalu angin rebut itu menerbangkan dan menghancurkan (menumbangkan manusia gugur bergelimpangan) / seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbangkah akarnya.

﴿فَقَالُوا أَبَشْرًا مِّنَّا وَاحِدًا نَّتَّبِعُهُ إِنْآ إِذَا لَفِيَ ضَلَلٍ وَسُعْرٍ﴾

فقالوا : أنتبع بشرا منا واحداً ، و كان صالح عليه السلام يقول : إن لم تتبعوني كنتم في ضلال عن الحق ، فعكسوا عليه ، فقالوا : إن اتبعناك كنا كما تقول ، فكنا في ضلال عن الحق و الجنون .

Lalu mereka berkata: Patutkah kita menurut manusia dari jenis kita, lagi pun dia berseorangan? Nabi Soleh berkata: “Sekiranya kamu tidak mengikuti daku, kamu pasti tersasar dari kebenaran”, maka mereka mengajuk balik kata-kata baginda dan berkata: Sekiranya kami mengikuti kau, kami akan jadi seperti yang kamu katakan, maka sesungguhnya kita berada dalam keadaan sesat dan gila!

* معنی (كُفِرَ) - نُكِرَ

المكفور هو نوح عليه السلام و جعله مكفورا .

جعله مكفورا لأن النبي نعمة من الله ورحمة، فكأن نوحًا نعمة مكفورة .

- Yang dingkari iaitu nabi Nuh a.s.
- Allah swt menjadikan baginda sebagai orang yang diingkari kerana nabi itu adalah nikmat dan rahmat dari Allah swt, seolah-olah nabi Nuh a.s adalah nikmat yang tidak disyukuri.

﴿وَلَقَدْ تَرَكْنَاهَا آيَةً فَهَلْ مِن مُّدَكِّرٍ﴾

ولقد تركنا السفينة وجعلناها آية أو برهانا يُعتبر بها ، فهل من مُتَعِظٍ يتعظ و يعتبر .

Dan demi sesungguhnya! Kami telah jadikan bahtera itu sebagai satu tanda atau bukti yang menjadi pengajaran, maka adakah orang yang mahu beringat dan insaf?

﴿وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَكِّرٍ [١٧] كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٍ﴾

﴿[١٨]﴾

فكيف كان عذابي و الإنذار ؟ ، / و لقد سهّلناه للإدكار و الإتعاض ، فهل من متذكر و مُتَعِظ ؟ .

Oleh itu, perhatikanlah bagaimana buruknya azabKu dan kesan amaran-amaranKu.

Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

﴿كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٍ﴾

قد كذّبت عاد إنذاراتي لهم بالعذاب قبل نزوله .

Sesungguhnya kaum Aad telah mendustakan amaran buruknya azabku sebelum ianya diturunkan.

﴿أَلْقَى الذِّكْرَ عَلَيْهِ مِنْ بَيْنِنَا بَلَّ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرُّ﴾

وقولوا : أنزل عليه الوحي بيننا ؟ و فينا من هو أحقُّ منه بالإختيار للنبوّة ؟ / بل أن

صالح هو الكذّاب و بطر متكبر ، حمله بطّره و طلبه التعظيم علينا على ادّعاء ذلك .

Dan mereka berkata: Tidaklah patut wahyu peringatan itu diturunkan kepadanya padahal orang-orang yang lebih layak ada di antara kita. Bahkan nabi Soleh adalah seorang pendusta, lagi sombong angkuh. Kesombongannya dan permintaannya agar kami memuliakannya dengan dakwaan tersebut.

﴿سَيَعْمُونَ غَدًا مِّنَ الكَذَّابِ الْآشِرِ﴾

بيّن الله أن المكذبين سوف يعلمون عند نزول العذاب بهم أو يوم القيامة ، من هو

الكذّاب ، أ صالح أو من كذّبه .

Allah swt menjelaskan bahawa golongan pendusta akan mengetahui apabila azab itu menimpa mereka atau pada hari kiamat kelak, siapakah sebenarnya pendusta, adakah nabi Soleh atau orang yang mendustakannya.

﴿إِنَّا مَرْسَلُوا النَّاقَةَ فِتْنَةً لَهُمْ فَارْتَقِبْهُمْ وَاصْطَبِرْ﴾

إنا باعثوا الناقة و مخرجوها من الهضبة كما سألوها ، امتحانا لهم و إبتلاء ، / فانتظرهم و

تبصر ما هم صانعون ، / و اصبر على أذاهم ، و لا تعجل حتى يأتيك أمرى .

Sesungguhnya Kami menghantarkan unta betina (yang menjadi mukjizat) dan mengeluarkannya daripada bukit sebagaimana yang mereka meminta sebagai satu ujian bagi mereka. Lalu (Kami perintahkan Rasul Kami): Tunggulah dan lihatlah apakah yang mereka akan lakukan serta bersabarlah terhadap tentangan mereka dan jangan tergesa-gesa sehingga datang kepada kamu perintahKu.

* موقع الإعراب (فِتْنَةً) : مفعول له أو حال .

* المراد بـ (سُعْر) اي نيران ، وقيل : الضلال ،

فالمعنى : الخطأ و البعد عن الصواب .

* (سُعْر) adalah api. Pendapat lain: (سُعْر) adalah kesesatan,

Ertinya: salah dan jauh dari kebenaran.

* المقصود بقول المكذبين في الآية :

- (أَبْشَرًا) : إنكارا، لأن يتبعوا مثلهم في الجنسية، وطلبوا ان يكون من الملائكة.

- (مِنَّا) : لأنه اذا كان منهم كانت المماثلة أقوى .

- (وَاحِدًا) : إنكارا ، لأن تتبع الأمة رجلا واحدا ،

أو أرادوا واحدا لا يُعرف أصله، ليس من أشرفهم و أفضلهم .

* Maksud kata-kata golongan pendusta dalam ayat ini:

- (أَبْشَرًا) : Keengganan, supaya mereka mengikut orang yang sama jenis dengan mereka dan mereka meminta agar utusan itu dari kalangan malaikat.

- (مِنَّا) : kerana apabila ianya juga dari kalangan mereka, maka persamaan itu akan menjadi lebih kuat (penentangannya).

- (وَاحِدًا) : keengganan, kerana satu kaum mengikut seorang lelaki sahaja,

Atau mereka maksudkan seorang yang tidak diketahui asal usulnya, bukan di kalangan orang yang paling mulia dan baik dari mereka.

* المراد بـ (الْحَتَّظِرِ) : الذى يعمل الحظيرة ، و ما يحتظر به ييس بطول الزمان و تطؤه البهائم ، فتحطم و يتهشم .

(الْحَتَّظِرِ) Orang yang mengusahakan kandang binatang, dan apa yang disimpan untuk dikeringkan dalam tempoh yang lama dan binatang ternakan menginjak-injaknya supaya pecah dan hancur .

قوله تعالى: ﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَّا ءَالَ لُوطٍ نَّجَيْنَاهُمْ بِسِحْرِ﴾

إنا أرسلنا على قوم لوط ريحا ترميهم بالحصباء ، وهى صغار الحجارة ، الا ابنتيه و من آمن معه ، و نجيناهم بسحر - و هو ما بين آخر الليل و طلوع الفجر حيث يختلط سواد الليل ببياض النهار .

Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada kaum nabi Lut a.s angin ribut yang menghujani mereka dengan batu-batu kecil, kecuali dua anak perempuan nabi Lut a.s dan orang yang beriman bersamanya. Kami selamatkan mereka (dengan menyuruh mereka keluar dari situ) pada waktu jauh malam – iaitu waktu antara akhir malam dan terbitnya fajar di mana bercampur antara gelap malam dengan cerah siang.

* المراد بـ (بِسِحْرٍ) هو ما بين آخر الليل و طلوع الفجر حيث يختلط سواد الليل ببياض النهار .

* الضمير (هم) فى قوله تعالى: (إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا) يعود الى قوم لوط عليه السلام .

* المراد بـ (حَاصِبًا) : ريحا بالحصباء ، وهى صغار الحجارة .

* المراد بـ (ءَالَ لُوطٍ) ابنتيه و من آمن معه .

﴿وَنَبَّأَهُمْ أَنَّ الْمَاءَ قِسْمَةٌ بَيْنَهُمْ كُلُّ شِرْبٍ مُحْتَضَرٌ﴾

ونبأ المكذوبون من قوم صالح عليه السلام أن الماء مقسوم بينهم ؛ للناقة شرب يوم . و لهم شرب يوم ، وقال أن كل شرب محضور ، يحضر القوم الشرب يوما ، و تحضر الناقة يوما .

Dan khabarkanlah kepada orang-orang kafir dari kaum nabi Saleh a.s, bahawa sesungguhnya air (telaga mereka) terbahagi di antara mereka dengan unta itu. satu hari untuk unta itu minum, dan untuk mereka minum pada hari yang lain, tiap-tiap bahagian air itu dihadiri oleh yang berhak mengambilnya (pada hari gilirannya). Orang ramai menghadiri tempat air minum itu satu hari, dan unta itu menghidirinya pada hari yang lain.

﴿فَنَادَوْا صَاحِبَهُمْ فَتَعَاطَى فَعَقَرَ﴾

فنادوا لأشقاہم : فاجترأ على تعاطى الأمر العظيم غير مكترث له ، فذبح الناقة ، أو فتعاطى الناقة فعقرها .

(Mereka selepas itu merasa bosan dengan keadaan unta itu dan berkira hendak membunuhnya), lalu mereka memanggil kawan mereka yang sanggup melakukan perkara besar itu (membunuh unta), dia pun menyembelih unta itu atau dia bertindak sampai dapat membunuhnya

﴿إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَاحِدَةً فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْحَتَّظِرِ﴾

قال الله تعالى : انا ارسلنا عليهم فى اليوم الرابع من عقر الناقة صيحة واحدة صاح بهم جبريل عليه السلام ، فكانوا كالشجرة اليابس المتهشم المتكسر .

Firman Allah swt: Sesungguhnya Kami hantarkan kepada mereka pada hari keempat setelah menyembelih unta itu dengan satu pekikan (yang dahsyat) yang dilaungkan oleh Jibril a.s, lalu menjadilah mereka (hancur) seperti ranting-ranting dan daun-daun yang pecah hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternak.

* فائدة تكرير قوله تعالى : ﴿فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِي﴾ : أن يُجِدِّدُوا عند استماع كل

نبأ من أنباء الأولين اذكارا و اتعاضا، و أن يستأنفوا تنبها و استيقاظا اذا سمعوا الحث على ذلك و البعث عليه .

Faedah diulang ayat ini ﴿Rasalah azabKu dan kesan amaran-amaranKu﴾ agar mereka sentiasa memperbaharui ingatan dan pengarangnya ketika mendengar setiap perkhbarangan golongan terdahulu dan sentiasa mengambil perhatian dan pengajaran apabila mendengar dorongan untuk melakukan dan mencetuskan perkara seperti itu.

قوله تعالى : ﴿وَلَقَدْ جَاءَ آلَ فِرْعَوْنَ النُّذُرُ﴾.

ولقد جاء الى آل فرعون موسى و هارون وغيرهما من الأنبياء ، أو جاء الإنذار .

Dan demi sesungguhnya! Firaun dan kaumnya telah didatangi oleh nabi Musa a.s, nabi Harun a.s dan nabi-nabi yang lain atau telah datang amaran.

* المراد بـ (النُّذُرُ) - موسى و هارون وغيرهما من الأنبياء ، أو الإنذار .

قوله تعالى : ﴿كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا كُلِّهَا فَأَخَذْنَاهُمْ أَخَذَ عَزِيزٍ مُّقْتَدِرٍ﴾

ولكن فرعون و ءاله قد كذبوا بالآيات أو المعجزات التسع ، فأخذناهم أخذا لا يُغالب و لا يعجزه شيء .

Namun Firaun dan penyokongnya telah mendustakan 9 mukjizat., lalu Kami timpakan azab seksa kepada mereka sebagai seksaan dari Yang Maha Perkasa, lagi Maha Kuasa

قوله تعالى : ﴿نِعْمَةٌ مِّنْ عِنْدِنَا كَذَلِكَ نَجْزِي مَنْ شَكَرَ﴾

وأن نجينا آل لوط إنعاما من عندنا ، ذلك نجزي لمن شكر نعمة الله بإيمانه و طاعته.

Dan Kami menyelamatkan keluarga nabi Lut a.s sebagai limpah kurnia dari Kami. Demikianlah kami membalas orang-orang yang mensyukuri nikmat Allah dengan iman dan ketaatannya.

* موقع الإعراب (نِعْمَةٌ) : مفعول له ، بمعنى : إنعاما .

قوله تعالى : ﴿وَلَقَدْ أَنْذَرَهُمْ بَطْشَتَنَا فَتَمَارَوْا بِالنُّذُرِ﴾

ولقد أنذرهم المكذبين لوط عليه السلام : سيأخذهم الله بالعذاب ، و لكنهم كذبوا بالإنذار أو بالنذر متشاكين .

Dan demi sesungguhnya! Nabi Lut telah memberi amaran kepada golongan pendusta : “Allah akan menimpa kamu dengan azab seksa”. Namun mereka tetap mendustakan amaran-amaran itu atau meragunya.

قوله تعالى : ﴿وَلَقَدْ رَاوَدُوهُ عَن ضَيْفِهِ فَطَمَسْنَا أَعْيُنَهُمْ عَذَابِي فَذُوقُوا وَنُذُرِي﴾

ولقد طلبوا الفاحشة من أضياف نوح عليه السلام ، فأعميناهم ، فقلت لهم : ذوقوا على السنة الملائكة عذابي و نذر .

Dan demi sesungguhnya! Mereka telah memujuk Nabi Lut mengenai tetamunya (untuk melakukan kejahatan), lalu Kami hapuskan biji mata mereka, serta (dikatakan kepada mereka melalui malaikat): Rasalah azabKu dan kesan amaran-amaranKu!

قوله تعالى : ﴿وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ﴾

ولقد صَبَّحَهُم أول النهار عذاب ثابت قد استقر عليهم الى أن يفضى بهم الى عذاب الآخرة .

Dan demi sesungguhnya! Mereka telah ditimpa azab yang kekal pada pagi-pagi hari (esoknya) sehingga mereka merasai azab di akhirat.

* المراد بـ (بِأَيِّتِنَا) هي الآيات التسع ، وهي :

- | | | | | |
|-----------|-----------|------------|-----------|------------|
| ١. العصا | ٢. اليد | ٣. السنون | ٤. الطمسة | ٥. الطوفان |
| ٦. الجراد | ٧. القمّل | ٨. الضفادع | ٩. الدم . | |

Maksud dengan (ءايتنا) adalah 9 tanda kekuasaan Kami (mukjizat) :

- | | | |
|---------------------------|-----------|-------------|
| 1. Tongkat | 2. Tangan | 3. kemarau |
| 4. kehancuran harta benda | 5. Banjir | 6. Belalang |
| 7. Kutu | 8. Katak | 9. Darah. |

٤٣ ما يستفاد من الآيات :

- | | |
|---|---|
| ١ | فضل الله على هذه الأمة بتسهيل القرآن للحفظ و التذكر . |
| ٢ | تقرير ربوبية الله تعالى و ألوهيته بإرسال الرسل . |
| ٣ | بيان الأخذ للظلمة الكافرين بأشد أنواع العقوبات . |
| ٤ | بيان بأن الله يجزي لمن شكر نعمه بإيمانه و طاعته . |
| ٥ | وجوب الإنعاض عن قصص الأمم السابقين . |
| ٦ | أكد الله أنبيائه بالمعجزات . |
| ٧ | تقرير بأن يوم الجزاء حق . |

Pengajaran ayat:

- 1) Allah swt menganugerahkan kepada umat Islam ini dengan dipermudahkan Al-Quran untuk dihafal dan dihayati.
- 2) Menyatakan rububiyah Allah swt dan uluhiyahNya dengan mengutuskan para rasul.
- 3) Menjelaskan hukuman yang paling berat terhadap kezaliman orang-orang kafir.
- 4) Menerangkan bahawa Allah swt memberi ganjaran kepada mereka yang mensyukuri nikmatnya dengan keimanan dan ketaatannya.
- 5) Wajib mengambil pengajaran dari kisah-kisah umat terdahulu.
- 6) Allah swt menguatkan para nabi-Nya dengan mukjizat.
- 7) Menyatakan bahawa hari pembalasan itu adalah benar.

* المراد ب (أَوْلِيَّكُمْ) : الكفار المعدودين : قوم نوح و هود و صالح و لوط و آل فرعون.

Maksud (أَوْلِيَّكُمْ) kaum-kaum kafir yang tersebut itu : kaum nabi Nuh a.s, nabi Soleh a.s, nabi Lut a.s dan keluarga Firaun

قوله تعالى : ﴿أَمْ يَقُولُونَ خُنَّ جَمِيعٌ مُنْتَصِرٌ﴾

أم يقولون : نحن جماعة أمرنا مجتمع ممتنع ، لا نرام و لا نضام .

Atau (Mereka tidak mempunyai sebarang bukti) bahkan mereka akan berkata (dengan angkuhnya): Kami satu kaum yang bersatu, yang sudah tentu dapat membela diri!

قوله تعالى : ﴿سَيُزِمُ الْجَمْعُ وَيُولُونَ الدُّبْرُ﴾

بين الله في الآية أن الجماعة أو أهل مكة سوف ينصرفون منهزمين يوم بدر ، و هذه من علامات النبوة .

Allah swt menjelaskan di dalam ayat ini bahawa Kumpulan mereka atau penduduk Mekah akan pulang dalam keadaan kalah pada peperangan Badar dan ini antara tanda-tanda kenabian.

* المراد ب (الْجَمْع) : هم أهل مكة .

Maksud (الْجَمْع) ialah penduduk Mekah

قوله تعالى : ﴿بَلِ السَّاعَةُ مَوْعِدُهُمْ وَالسَّاعَةُ أَدْهَىٰ وَأَمْرٌ﴾

بل الساعة التي موعدهم بعد بدر أشد من موقف بدر و أمر مذاقا من عذاب الدنيا و أشد.

(Bukan kekalahan itu sahaja) bahkan hari kiamat iaitu hari yang dijanjikan kepada mereka azab seksa selepas peperangan Badar adalah lebih dahsyat dan amat pahit daripada azab di dunia.

معاني الكلمات	
الزُّبُرُ: الكتب المتقدمة	وَيُولُونَ: ينصرفون
مُنْتَصِرٌ: ممتنع	أَدْهَى: أشدُّ

الشرح:

قوله تعالى : ﴿أَكْفَارُكُمْ خَيْرٌ مِّنْ أَوْلِيَّكُمْ أَمْ لَكُمْ بَرَاءَةٌ فِي الزُّبُرِ﴾

أكفاركم يا أهل مكة خير من الكفار المعدودين : قوم نوح و هود و صالح و لوط و آل فرعون ؟ ، أى: أ هم خيرٌ قوَّة و مكانة في الدنيا ، أو أقل كفرا و عنادا ؟ / أم أنزلت عليكم يا أهل مكة براءة في الكتب المتقدمة ، أن من كفر منكم و كذب الرسل كان آمنا من عذاب الله ، فأمنتم بتلك البراءة .

Adakah orang-orang kafir kamu (wahai kaum musyrik Mekah), lebih baik (kekuatan, kekayaan dan keandalannya) daripada kaum-kaum kafir yang tersebut itu : kaum nabi Nuh a.s, nabi Soleh a.s, nabi Lut a.s dan keluarga Firaun? Atau adakah mereka lebih kuat dan lebih baik kedudukannya di dunia? atau kurang kufur dan menentang? atau adakah diturunkan kepada kamu wahai penduduk Mekah pelepasan dalam kitab-kitab suci terdahulu bahawa orang yang kufur di kalangan kamu dan mendustakan para rasul adalah terselamat dari azab Allah swt, lalu kamu yakini kebebasan kamu (dari azab) itu?

* المراد ب (كُم) : أهل مكة .

Maksud (كُم) ialah penduduk Mekah

ما يستفاد من الآيات :

١. توبيخ مشركى مكة على عدم الإعتبار بهلاك السابقين .
٢. وعد من الله أن أهل مكة سوف ينصرفون منهزمين يوم بدر .
٣. بيان أن عذاب الآخرة أشد من عذاب الدنيا .

Pengajaran ayat:

1. Celaan terhadap orang musyrikin Mekah kerana tidak mengambil pengajaran kehancuran umat terdahulu.
2. Janji Allah swt bahawa penduduk Mekah akan pulang dalam keadaan kekalahan dalam peperangan Badar.
3. Menjelaskan bahawa azab di akhirat lebih berat daripada azab di dunia ini.

* المراد ب (الداهية) - الأمر المنكر الذى لا يهتدى لدائه .

Maksud (الداهية) adalah perkara yang tidak dingini yang tidak ditemui ubatnya.

* الحكمة من ذكر هلاك المشركين السابقين :

١. يدل على أن الله قادر أن يهلك المشركين .
٢. ادكارا و إتعاضا و استيقاظا .
٣. دليل أن ما من شئ الا هو تحت ملك الله و قدرته تعالى ، و هو على كل شئ قدير .
٤. أن كل ما فى الوجود بقدره الله و ارادته و يسير وفق قضائه و قدره .

Hikmah dinyatakan kehancuran kaum musyrik yang terdahulu:

1. Ini menunjukkan bahawa Allah swt mampu membinasakan orang-orang musyrik.
2. Mengambil peringatan, pengajaran dan kesedaran.
3. Bukti bahawa tidak ada sesuatu pun kecuali ianya berada di bawah kekuasaan Allah swt dan kekuasaan-Nya dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.
4. Setiap yang wujud ini adalah dengan kuasa dan kehendak Allah swt dan berjalan sesuai dengan ketetapan dan ketentuan-Nya.

* المراد بـ (سَقَر) - عَلمَ لجهنم .

maksud (سَقَر) nama neraka

﴿إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ﴾

بين الله أنه خلق كل شيء بمقدار معينة .

Allah swt menjelaskan bahawa Dia menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir yang telah ditentukan.

* موقع الإعراب (كلّ) - منصوب بفعل مضمر ، و تقديره خلقنا.

- و معناه : ذلك يدل على العموم واشتمال الخلق على جميع الأشياء.

قوله تعالى : ﴿وَمَا أَمْرُنَا إِلَّا وَاحِدَةٌ كَلَمْحٍ بِالْبَصَرِ﴾

وما أمرنا إلا كلمة واحدة على قدر ما يلح أحدكم ببصره .

Dan hal Kami (dalam melaksanakan apa yang Kami kehendaki), hanyalah satu cara sahaja, (cepat jadinya) seperti sekelop mata

* المراد بـ (أَمْرُنَا) - تكوين شيء ، و قيل - أمر القيامة .

Maksud (أَمْرُنَا) ialah menciptakan sesuatu, pendapat lain : Perihal hari kebangkitan

قوله تعالى : ﴿وَلَقَدْ أَهَلَكْنَا أَشْيَاعَكُمْ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ﴾

ولقد دمرنا أشباهكم في الكفر من الأمم، فهل هناك من متعظ ؟

Dan demi sesungguhnya! Kami telah binasakan orang-orang kafir yang sama keadaannya seperti kamu; maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran?

معاني الكلمات	
وَسُعْرٌ : نيران في الآخرة / هلاك	أَشْيَاعَكُمْ : أشباههم
يُسْحَبُونَ : يجرون	مُدَّكِرٌ : متعظ
مَسَّ : آلام سقر	الزُّبُرُ : دواوين الحفظة
سَقَرٌ : عَلمَ لجهنم	مُسْتَطَرٌّ : مسطور في اللوح
وَاحِدَةٌ : كلمة واحدة	مَقْعَدٌ صِدْقٍ : مكان مرضى

الشرح:

﴿إِنَّ الْمُجْرِمِينَ فِي ضَلَالٍ وَسُعْرٍ﴾

إن المجرمين في ضلال عن الحق في الدنيا ، و هم في نيران (نار) في الآخرة أو في هلاك و نيران .

Sesungguhnya orang-orang yang berdosa berada dalam keadaan sesat di dunia, dan di akhirat pula mereka berada dalam api Neraka.

﴿يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِي النَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُقُوا مَسَّ سَقَرٍ﴾

إن في يوم يجرون في النار على وجوههم ، ثم يقال لهم : ذوقوا آلام سقر .

Semasa mereka diseret di dalam Neraka dengan tertiarap atas muka mereka, serta dikatakan kepada mereka : Rasalah kamu bakar api Neraka

ما يستفاد من الآيات :

١. كل ما في الوجود بقدره الله وإرادته و يسير وفق قضائه و قدره .
٢. بيان أن كل أعمال المرء في كتاب قد خطه الكرام الكاتبون .
٣. بيان عن جزاء المجرمين في النار .
٤. أن الله تعالى قادر على جميع الأشياء .
٥. تقرير أن جزاء المتقين في جنات و أنهار .

Pengajaran ayat:

1. Segala yang wujud adalah dengan kuasa dan kehendak Allah swt dan ianya berjalan sesuai dengan ketetapan dan ketentuan-Nya.
2. Menjelaskan bahawa setiap perbuatan seseorang itu telah ada dalam buku yang ditulis oleh para malaikat yang mulia.
3. Menjelaskan mengenai balasan orang yang berdosa di dalam neraka.
4. Allah swt Maha Kuasa ke atas semua perkara.
5. Pernyataan bahawa pahala orang bertakwa di tempatkan dalam taman-taman Syurga (yang indah) dan (dekat) beberapa sungai,

قوله تعالى : ﴿ وَكُلُّ شَيْءٍ فَعَلُوهُ فِي الزُّبُرِ ﴾

وأن كل شيء فعلوه أولئك الكفار ثابت في دواوين الحفظة .

Dan tiap-tiap perkara yang mereka (orang kafir) lakukan, adalah tertulis di dalam Kitab suratan amal

* موقع الإعراب : (فَعَلُوهُ) : في موضع جر نعت لـ " شئ " ،

(في الزُّبُرِ) : خبر لـ " كل " .

قوله تعالى : ﴿ وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُسْتَطَرٌ ﴾

وكل من صغير و كبير من الأعمال و من كل ما هو كائن مسطور في اللوح .

Dan tiap-tiap perkara (amalan) yang kecil dan yang besar tetap tercatat di Luh Mahfuz.

قوله تعالى : ﴿ إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهْرٍ ﴾ فِي مَقْعَدِ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِكٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٥٥﴾

بين الله أن المتقين في جنات و أنهار ، / و في مكان مرضى منزلة و كرامة عند الله قادر على كل شئ .

Allah swt menjelaskan sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, di tempatkan dalam taman-taman Syurga (yang indah) dan (dekat) beberapa sungai,

Di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan Yang Menguasai segala-galanya, lagi Yang Berkuasa melakukan sekehendakNya

* فائدة تنكير (مَلِكٍ) و (مُّقْتَدِرٍ) : أن يُعْلَمَ أنه ما من شئ الا هو تحت

ملكه و قدرته ، و الله على كل شئ قدير .

Faedah bentuk kata am bagi (مَلِكٍ) dan (مُّقْتَدِرٍ) adalah agar diketahui bahawa tidak ada sesuatu kecuali berada di bawah pemerintahan dan kekuasaan-Nya, dan Allah swt Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu.

- (١) من نعم الله
(الآيات ١ - ١٣)
- (٢) من دلائل قدرته تعالى
(الآيات ١٤ - ٣٦)
- (٣) أهوال يوم القيامة
(الآيات ٣٧ - ٤٥)
- (٤) فضل الخائفين من الله و جزاؤهم
(الآيات ٤٦ - ٧٨)

سورة الرحمن

(مكية : ثمان و سبعون آية)

٢ في قوله تعالى : ﴿ الْمِيزَان ﴾ : كَرَّرَ لفظ ﴿ الْمِيزَان ﴾ تشديدا للتوصية به ، و تأكيدا لضرورة استعماله .

الشرح :

﴿ الرَّحْمَنُ ﴿١﴾ عِلْمَ الْقُرْآنِ ﴿٢﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ﴿٣﴾ عِلْمَهُ الْبَيَانَ ﴿٤﴾

الله الذي إنعام على الخلق بالقرآن، / و عِلْمَ به الخلق القرآن ، و هو الذي خلق جنس الإنسان أو آدم أو مُحَمَّدًا عليهما الصلاة والسلام ، ثم عِلْمَهُ المنطق الفصيح المعرب عما في الضمير .

Allah swt yang memberi nikmat Al-Quran kepada makhlukNya, / Dialah yang telah mengajarkan Al-Quran kepada makhlukNya. Dialah yang mencipta manusia, nabi Adam a.s atau nabi Muhammad saw / Dialah yang mengajarnya bertutur dengan lancar yang menggambarkan apa yang ada dalam jiwa.

ءالآء الله على الخلق هي :

(١) نعمة الدين

(٢) نعمة القرآن ، و تنزيله و تعليمه .

(٣) نعمة البيان : أى - المنطق الفصيح المعرب عما في الضمير .

Nikmat-nikmat Allah swt terhadap makhlukNya ialah:

- 1- Nikmat agama.
- 2- Nikmat Al-Qur'an, menurunkannya dan mengajarkannya.
- 3- Nikmat Kepetahan berbicara: iaitu bertutur dengan lancar yang dapat menyatakan apa yang ada dalam hati nurani.

سورة الرحمن

مدنية و هي : ثمان و سبعون آية

١ من نعم الله

معاني الكلمات	
تُحْسِرُوا : تُنْقِصُوا	الْإِنْسَانِ : الجنس / آدم / مُحَمَّدٌ ﷺ
وَضَعَهَا : خَفَضَهَا مبسوطه مستوية	الْبَيَانَ : المنطق الفصيح المعرب عما في الضمير
لِلْأَنَامِ : للخلق	يَحْسِبَانَ : بحسابٍ معلومٍ
الْأَكْمَامِ : أوعية التمر	وَالنَّجْمِ : يَنْبُتُ
ذُو الْعَصْفِ : ورق الزرع / التَّيْنُ	يَسْجُدَانَ : ينقادان
وَالرَّيْحَانَ : الرزق و هو اللُّبُّ /	رَفَعَهَا : خلقها مرفوعة
الذي يُشَمُّ	الْمِيزَانَ : المكيال
ءالآء : النعم	بِالْقِسْطِ : بالعدل

سر البلاغى :

١ في قوله تعالى : ﴿ وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴾ : على الرأى القائل بأن

النجم مرادٌ به نجوم السماء ، يكون هناك **استعارة تصريحية** ، حيث شبهَ النجم والشجر في انقيادهما لأمر الله، بالساجد الذى ينقاد لأمر ربه .

● موقع الإعراب :

﴿الرَّحْمَنُ﴾ : مبتدأ

و الأفعال في قوله تعالى : ﴿عَلَّمَ الْقُرْآنَ﴾ ﴿خَلَقَ الْإِنْسَانَ﴾

﴿عَلَّمَهُ الْبَيَانَ﴾ مع ضمائها هي أخبارٌ مترادفةٌ لهذه المبتدأ .

● ﴿عَلَّمَ الْقُرْآنَ﴾ ﴿خَلَقَ الْإِنْسَانَ﴾ ﴿عَلَّمَهُ الْبَيَانَ﴾

- مجئ الجمل الثلاثة الأول بدون / بغير حرف العطف : لورودها على نمط التعديد ،

- أو لأن الجمل الثلاثة الأول وردت على سبيل التعديد تبكيتا لمن أنكر نعم الله .

- Datangnya tiga ayat pertama ini tanpa “kata penghubung”: kerana ia datang dalam bentuk bilangan berurutan,

- Atau kerana tiga ayat pertama ini disebut dalam bentuk bilangan berurutan sebagai satu celaan terhadap mereka yang mengingkari nikmat Allah swt.

﴿الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ﴾

أن الشمس و القمر بحسبان معلوم ، و تقديرٍ سوى ، يجريان في بروجهما ومنازلهما، و في ذلك منافع للناس ، منها علم السنين و الحساب .

Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu. Kedua-duanya beredar pada orbitnya dan tempat peredarannya. Perkara tersebut memberi manfaat kepada manusia, antaranya dapat mengetahui tentang tahun dan ilmu hisab.

● قدم " نعمة القرآن " على " نعمة الدين " لأن القرآن أعظم وحي الله رُنبَةً ، و أعلاه منزلةً ، و هو سِنَامُ الكتب السماوية ، و مِصْدَاقُهَا ، و المَهْمِيمُ عليها .

Perkataan "nikmat Al-Qur'an" disebutkan dahulu sebelum perkataan "nikmat agama" kerana Al-Qur'an adalah wahyu Allah swt yang paling tinggi dan mulia kedudukannya. Ia adalah asas utama bagi kitab-kitab samawi, bukti pengesahannya dan menguatkannya.

● أَحَرَ ذَكَرَ خَلْقَ الْإِنْسَانَ عَنْ ذَكَرِ الْقُرْآنِ لِيُعْلَمَ الْإِنْسَانُ أَنَّهُ خُلِقَ لِلدِّينِ ، فَيَتَعَلَّمَ وَحْيَ اللَّهِ وَ كِتَابَهُ .

Perkataan “penciptaan manusia” disebut selepas perkataan “Al-Quran” adalah supaya manusia mengetahui bahawa ia diciptakan untuk agama. Oleh itu ia akan belajar tentang wahyu Allah swt dan kitab-kitabnya.

● تَمَيَّزَ بِهِ الْإِنْسَانُ عَنِ سَائِرِ الْحَيَوَانَاتِ هُوَ نِعْمَةُ الْبَيَانِ .

Perkara yang membezakan manusia dengan haiwan lain adalah nikmat bertutur dengan baik (kepetahan berbicara)

● المراد بـ " نعمة البيان " المنطق الفصيح المعرب عما في الضمير .

Maksud perkataan "nikmat kepetahan" adalah iaitu bertutur dengan lancar yang dapat menyatakan apa yang ada dalam hati nurani..

﴿ وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ﴾

بين الله أن السماء خلقها مرفوعةً ، و جعلها منشأً أحكامه ، و مصدرَ قضاياها، و مسكن ملائكته الذين يهبطون بالوحي على أنبيائه ، و نبه بذلك على كبرياء شأنه ، وملكه وسلطانه ، و وضع الميزان و هو ما تُوزَن به الأشياء، و تُعرَف مقاديرها ، من ميزان ومكيال ومقياس.

Allah swt menjelaskan bahawa Dia menciptakan langit yang ditinggikan, dan menjadikannya sumber ketetapan-Nya, sumber ketentuan-Nya, dan kediaman malaikat-malaikat-Nya yang turun membawa wahyu kepada para nabi-Nya. Dia memberi peringatan dengan perkara tersebut tentang ketinggian-Nya, kerajaan dan pemerintahannya serta menetapkan mizan iaitu yang digunakan menimbang sesuatu dan dapat mengetahui kadarnya seperti alat timbangan, sukatan dan ukuran.

- المراد بـ (الْمِيزَان) هو ما تُوزَن به الأشياء ، و تُعرَف مقاديرها ، من ميزان ومكيال و مقياس.

﴿ أَلَّا تَطْغَوْا فِي الْمِيزَانِ ﴾

وخلق الله الميزان موضوعاً على الأرض، حيث علق به أحكام عبادته من التسوية والتعديل في أخذهم وإعطائهم ، لأن لا تطغوا في الميزان .

Allah swt menciptakan *mizan* untuk di letakkan di bumi, yang mana Dia mengikatkan hukum hakam terhadap hambaNya itu sama rata dan adil dalam mengambil dan memberian kepada mereka, kerana ianya tidak melampaui *mizan* (ketetapanNya).

- نوع جملة ﴿ أَلَّا تَطْغَوْا ﴾ : جملة تعليلية لقوله : ﴿ وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ﴾ .

﴿ وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴾

والنبات الذى ينبئُ أى ينبئُ من الأرض لا ساق له؛ كالبقول ، و الشجر الذى له ساق، يسجدان ينقادان لله تعالى فيما خُلِقا من أجله.

Dan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh melata seperti kacang pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturannya sebagaimana tujuan sebenar ianya diciptakan.

- موقع الإعراب :

الجملتان : ﴿ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ يُحْسَبَانِ ﴾ و ﴿ وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴾

- صحَّ إعرابهما : خبران عن المبتدأ ﴿ الرَّحْمَنُ ﴾ .

• ﴿ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ يُحْسَبَانِ ﴾ ﴿ وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴾

مجئ الكلام بعد هذا التبيكيت بحرف العطف : رعاية للتناسب من حيث التقابل، - فالشمس و القمر سماويان، و النجم و الشجر أرضيان ، ثم أن الشمس و القمر مُتقاداتان في جريهما بحسبان لأمر الله، وهذا مُناسبٌ لسجود النجم و الشجر .

Ayat selepas celaan Allah swt itu didatangkan dalam bentuk menggunakan kata hubung adalah sebagai menjada kesesuaian dua perkara yang berlawanan - matahari dan bulan yang merupakan objek di langit, bintang dan pokoknya yang merupakan objek di bumi. Kemudian matahari dan bulan beredar di landasannya patuh kepada perintah Allah swt. Perkara ini sesuai juga bagi tunduk patuhnya bintang dan pokok.

﴿ فِيهَا فَنَكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ ﴾

بين الله في هذه الآية أنه وضع في الأرض ضروب مما يُتفكَّه به ، و النخل ذات أوعية التمر ، أى يُعطى من ليفه ، و سَعَفِه و غير ذلك ، و كُلُّهُ مُتَّفَعٌ به كما يُتَّفَعُ بالكموم من ثمره و جذوعه و غير ذلك .

Allah swt menjelaskan dalam ayat ini bahawa Dia menciptakan di bumi berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang iaitu mayang dilitupi, pelepah, dan sebagainya. Semuanya dapat dimanfaatkan sebagaimana juga dapat dimanfaatkan buah yang terhasil dari kelopak mayang, batangnya dan lain-lain lagi.

﴿ وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ ﴾

والحب ذو ورق الزرع أو التبنُّ الذى يُقَدَّم علفًا للماشية ، و الرزق و هو اللب .

- المراد : أن الأرض فيها ما يُتَلَدَّدُ به من الفواكه ، و فيها الجامع بين التلذُّذِ و

التغذَّى و هو ثمر النخل ، و فيها ما يتغذَّى به فقط ؛ و هو الحب .

Biji-bijian yang ada jerami serta daun yang boleh dijadikan sebagai makanan ternakan dan rezeki iaitu biji-bijian.

- Maksudnya: Di bumi juga terdapat buah-buahan yang boleh dinikmati. Ianya menggabungkan antara menikmati keenakannya dan sebagai makanan (yang mengenyangkan) iaitu buah pohon kurma, dan ada yang hanya sebagai makanan sahaja iaitu biji-bijian.

﴿ وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴾

قَوِّمُوا وزنكم بالعدل و لا تنقصوه .

- المراد: أمر الله بالتسوية / ونهى عن الطغيان الذى هو اعتداءً و زيادةً، / و نهى

عن الخسران الذى هو تطفيف و نُقصان .

Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang

- Maksudnya: Allah swt memerintahkan agar berlaku sama rata (adil) / Dia melarang kezaliman, yang merupakan pelanggaran dan berlebihan, / Dia melarang melakukan perkara yang merugikan iaitu curang dalam timbangan dan mengurangkan timbangan/ukuran.

● كَرَّرَ اللهُ لفظ ﴿ الْمِيزَانَ ﴾ تشديداً للتوصية به ، و تقويةً للأمر باستعماله و

الحثِّ عليه .

Allah swt mengulangi perkataan “Mizan” sebagai penekan kepada peringatan tersebut dan menguatkan lagi perintah dan galakan menggunakannya.

﴿ وَالْأَرْضَ وَضَعَهَا لِلْأَنَامِ ﴾

بين الله تعالى أن الأرض حَفْضَهَا مبسوطَةً مستويةً للخلق ، و هو كل ما على ظهر

الأرض من دابة .

- عن الحسن رحمه الله : ﴿ لِلْأَنَامِ ﴾ : الإنسان و الجنُّ ، و الأرض

كالبساط لهم يتصرفون فوقها .

Allah swt menjelaskan bahawa bumi rata untuk kegunaan makhlukNya iaitu manusia dan makhluk-makhlukNya yang berada di permukaan bumi.

- Daripada Al-Hasan r.h, perkataan () ialah manusia dan jin, dan bumi seperti hampan bagi mereka dan mereka menguruskan segala urusan di atasnya.

ما يستفاد من الآيات :

- ١) نعم الله على خلقه عظيمة ، لا تُعدُّ و لا تُحصَى .
- ٢) من أعظم نعم الله على الإنسان نعمة الدين .
- ٣) من الواجب على المسلم إقامة العدل في الأرض .
- ٤) جعل الله الأرض سهلة مبسطة مستوية للخلق .
- ٥) أنعم الله للخلق واجب الشكر .

Pengajaran ayat:

- 1) Nikmat Allah swt terhadap makhluk ciptaan-Nya cukup besar, tidak dapat dihitung dan dikira.
- 2) Antara nikmat Allah swt yang paling besar bagi manusia adalah nikmat agama.
- 3) Menjadi kewajiban orang Islam menegakkan keadilan di muka bumi.
- 4) Allah swt menjadikan bumi mudah dan rata untuk kegunaan makhlukNya.
- 5) Allah swt telah memberikan nikmat kepada makhluk ciptaanNya yang wajib disyukuri.

(١) قرأ حمزة و الكسائي ﴿ وَالرَّيْحَانُ ﴾ بالجرّ؛ أى: ﴿ وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ ﴾

- الذى هو علفُ الأنعام، ﴿ وَالرَّيْحَانُ ﴾ - الذى هو مَطْعَم الأنام .

(٢) قرأ ابن كثير و نافع و ابو عمرو و عاصم : بالرفع ؛ على تقدير ذو ، أى :

(و) ذو ﴿ الرَّيْحَانُ ﴾ .

﴿ فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴾

فبأى النعم مما عدد الله من أول السورة تكذبان أيها الإنس والجن ؟.

- الخطاب للثقلين الإنس و الجن .

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Allah swt yang disebut dari awal surah, yang kamu hendak dustakan wahai umat manusia dan jin?

Ayat ini ditujukan kepada dua golongan yang diberi tanggungjawab iaitu manusia dan jin.

- ١ في قوله تعالى : ﴿ وَ لَهُ الْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَمِ ﴾
تشبيهه، فقد شبه السفن وهى تشقُّ أمواج البحر بالجبال الضخمة الطويلة.
- ٢ في قوله تعالى : ﴿ سَنَفْرُغُ لَكُمْ أَيُّهَ الثَّقَلَانِ ﴾ : **استعارة** من قول الرجل لمن يتهدده : " سأفْرُغُ لك "، أى سأترك كل ما يشغّلنى عن الإيقاع بك .

الشرح :

﴿ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ كَالْفَخَّارِ ﴾

أن الله خلق الإنسان من طينٍ يابسٍ له صلصلة كالخزف .

Sesungguhnya Allah swt menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar

- المراد بـ ﴿ الْفَخَّارِ ﴾ : الطين المطبوخ بالنار و هو الخزف .

Maksud (الفخار) ialah tanah yang dibakar dengan api iaitu tembikar

معاني الكلمات	
صَلْصَلٍ : طين يابس	ذُو الْجَلَلِ : ذو العظمة و السلطان
الْفَخَّارِ : طين مطبوخ بالنار / الخزاف	يَسْأَلُهُ : مفتقرون إليه
الْجَانِ : ابا الجن	سَنَفْرُغُ : سنترك
مَارِجٍ : اللهب الصافي الذى لا دخان فيه	الْثَّقَلَانِ : الإنس و الجن
بَرْزَخٍ : حاجز	إِنْ أَسْتَطَعْتُمْ : إن قدرتم
لَا يَبْغِيَانِ : لا يبغى احدُهما على الآخر /	تَنْفُذُوا : تخرجوا
لا يتجاوز الحد	أَقْطَارٍ : جوانب
الْلُّؤْلُؤُ : كيار الدرّ	فَأَنْفُذُوا : فأخرجوا
الْمَرْجَانِ : صغار الدرّ	بِسُلْطَنِ : بقوة / بقهر / غلبية
الْجَوَارِ : السفن	شَوْاطِ : اللهب الخالص
الْمُنشَآتُ : الشُرّع	مُحَاسٍ : دخان
كَالْأَعْلَمِ : الجبل الطويل	تَنْتَصِرَانِ : تمنعان
وَجْهٌ رَبِّكَ : ذات ربك	

﴿ رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ ﴾

بين الله تعالى أنه هو رب المشرقين ، أى : الشمس فى الصيف و الشتاء ، و رب المغربين ، أى : الشمس فى الصيف و الشتاء .

Allah swt menyatakan dengan jelas bahawa Dia adalah Tuhan yang mentadbirkan dua Timur, iaitu: matahari pada musim panas dan musim sejuk, dan Tuhan yang mentadbirkan dua barat, iaitu: matahari pada musim panas dan musim sejuk.

- المراد بـ " مشرقى " : الشمس فى الصيف و الشتاء .
- المراد بـ " مغربى " : الشمس فى الصيف و الشتاء .
- و قيل : مشرقى الشمس و القمر و مغربىها .

﴿ مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٦﴾ بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَّا يَبْغِيَانِ ﴿١٧﴾ ﴾

أن الله تعالى أرسل البحر المالح و البحر العذب متجاورين متلاقيين، لا فصل بين الماءين فى مرأى العين ، / و بين الماءين حاجزٌ من قدرة الله تعالى، لا ينبغى أحدهما على الآخر بالممازجة، و لا يتجاوز حدّه .

Allah swt biarkan air laut yang masin dan air yang tawar mengalir, sedang keduanya pula bertemu, tidak ada pemisah di antara kedua-dua air itu pada pandangan mata / Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya adalah dari kekuasaan Allah swt, masing-masing tidak bercampur dan tidak melampaui sempadannya

﴿ سَخَّرَ مِنْهَا الْوَأْمَرَ جَانُ ﴾

يخرج من الماءين كبار الدرّ و صغاره .
keluar dari kedua laut itu, permata yang besar dan kecil

- قوله تعالى : ﴿ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ كَالْفَخَّارِ ﴾ و قوله تعالى : ﴿ مِنْ حَمًا مَسْنُونٍ ﴾ و ﴿ مِنْ طِينٍ لَّازِبٍ ﴾ و ﴿ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ مِنْ تُرَابٍ ﴾ و غيرها من الآيات التى تتحدث عن خلق الإنسان - لا تعارض بينها ، لإتفاقها جميعا فى المعنى ، لأنه يفيد : أنه خلقه من تراب، ثم جعله طينا، ثم حمًا مسنونًا، ثم صلصالا، فلا تعارض بينها.

Ayat-ayat di atas membicarakan tentang penciptaan manusia - tidak ada pertentangan di antara ayat-ayat tersebut, kerana semuanya sama dari sudut maknanya, dan kerana maksudnya ialah Dia menciptakannya dari debu, kemudian menjadikannya tanah, kemudian tanah lumpur, kemudian tanah liat kering. oleh itu tidak ada pertentangan antara ayat-ayat tersebut.

﴿ وَخَلَقَ الْجَانَّ مِنْ مَّارِجٍ مِنْ نَّارٍ ﴾

بين الله تعالى أنه خلق أبا الجن من اللهب الصافى الذى لا دخان فيه من نار مخصوصة .

Allah swt menjelaskan bahawa Dia menciptakan bapa jin dari lidah api yang bersih dan tidak berasap dari api yang tertentu.

* المراد بـ ﴿ مِنْ مَّارِجٍ ﴾

قيل : اللهب الصافى الذى لا دخان فيه .

قيل : اللهب المختلط بسواد النار ، من مرج الشئ : اذا اضطرب و اختلط.

- ﴿ مِنْ نَّارٍ ﴾ - هو بيان لـ (مارج) ، كأنه قيل : من صاف (من نار) أو مختلط (من نار) أو اراد : (من نار) مخصوصة .

Maksud (من مارج)

Pendapat pertama: Lidah api yang bersih tanpa asap.

Pendapat kedua: Lidah api bercampur dengan kehitaman api, asalnya dari perkataan

(من مرج الشيء) : apabila ia bergolak dan bercampur.

﴿ يَسْأَلُهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴾

يستل الله كلُّ أهل السماوات و الأرض مفتقرون إليه كلَّ وقتٍ و حينٍ يُحْدِثُ أمورا ، و يُجِدِّدُ أهوالاً ، فيسأله اهل السماوات ما يتعلق بدينهم ، و يسأله أهل الأرض ما يتعلق بدينهم و دنياهم .

Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepada Allah swt setiap detik dan masa ketika berlakunya sesuatu perkara dan malapetaka yang silih berganti. Makhluk yang ada di langit akan memohon kepada Allahswt perkara yang berkait dengan urusan agama mereka dan makhluk yang ada di bumi akan memohon kepadaNya perkara yang berkait dengan urusan agama dan dunia mereka.

• يُنْصَبُ قَوْلُهُ تَعَالَى : ﴿ كُلَّ يَوْمٍ ﴾ **ظرفا** لما دَلَّ عَلَيْهِ قَوْلُهُ تَعَالَى : ﴿ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴾ ومعناه : كلَّ وقتٍ و حينٍ يُحْدِثُ أمورا ، و يُجِدِّدُ أهوالاً .

Maksudnya: Setiap masa dan ketika peristiwa-peristiwa sentiasa berlaku dan malapetaka yang silih berganti.

• و إنما قال (مِنْهُمَا) - و اللؤلؤ و المرجان إنما يَخْرُجَانِ مِنَ الْمِلْحِ فَقَطْ ، لأنهما لما التقيا و صارا كالشئى الواحد .

Mutiara dan marjan hanya keluar dari air masin sahaja, kerana apabila kedua-duanya bertemu dan menjadi satu.

• جاز أن يُقال : يَخْرُجَانِ مِنْهُمَا .

﴿ وَ لَهُ أَلْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ ﴾

ولله السفن اللآتى يُنْشِئْنَ الْمَرْفُوعَاتِ الشَّرْعَ فِي الْبَحْرِ كَالْجِبِلِ الطَّوِيلِ .

Dan Allah swt yang menguasai kapal-kapal yang belayar di laut, yang kembang tinggi layarnya seperti gunung-ganang

﴿ كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٦٧﴾ وَيَبْقَى وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٦٨﴾ ﴾

بينت الآية أن كل من على الأرض فان ، و يبقى ذاته تعالى ذو العظة و السلطان و الإكرام بالتجاوز و الإحسان .

Ayat itu menjelaskan bahawa segala yang ada di muka bumi itu akan binasa, dan akan kekallah Zat Allah swt yang mempunyai Kebesaran, kekuasaan dan Kemuliaan dengan sifat melampaui batas dan penuh kebajikan.

• موقع الإعراب:

﴿ (ذُو الْجَلَلِ) : صفة الوجه . ﴾

﴿ يَمَعَشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنَّ أَسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَنِ ﴾

أيها معشر الجن و الإنس، إن قدّرتم أن تخرجوا من جوانب السماوات و الأرض هربا من
قضائي ، فخرجوا ، لكن لا تقدرون على النفوذ إلا بقوة و قهر و غلبة ، و أتى لكم
ذلك؟

١. قيل : دلّ الله للجن و الإنس على العجز قوّتهم للحساب غداً بالعجز عن
نفوذ الأقطار اليوم .

٢. قيل : يُقال للجن و الإنس : هذا يوم القيامة حين تنظر اليهم الملائكة ، فإذا
رأهم الجنُّ و الإنسُ هربوا ، فلا يأتون وجهًا الا وجدوا الملائكة أحاطت به .

Wahai sekalian jin dan manusia! sekiranya kamu dapat menembus keluar dari kawasan-
kawasan langit dan bumi untuk melarikan diri dari pembalasan(ku), maka cubalah kamu
menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan
dan kekuatan yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat!

- 1- Satu pendapat: Allah swt telah menunjukkan kepada jin dan manusia ketidakmampuan mereka untuk menghadapi hari perhitungan kelak esok sebagaimana mereka lemah untuk keluar menembusi kawasan langit dan bumi pada hari ini.
- 2- Pendapat yang lain: Akan dikatakan kepada jin dan manusia: Ini adalah Hari Kebangkitan ketika para malaikat akan melihat mereka. Apabila jin dan manusia melihat malaikat tersebut, mereka melarikan diri, dan mereka tidak berani bersemuka sedangkan malaikat telah mengelilingi mereka.

﴿ سَنَفْرُغُ لَكُمْ أَيُّهَ الثَّقَلَانِ ﴾

سأترك للإيقاع بكم أيها الإنس و الجن .

- سأترك للإيقاع بك كل ما يشغلي عليه أو التفرغ للنكايه به ، و الإنتقام
منه .

- و يجوز أن يُراد : سنتهي الدنيا و تبلغ آخرها ، و تنتهي عند ذلك شؤون

الخلق التي أرادها بقوله ﴿ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴾ ، فلا يبقى إلا شأنٌ

واحدٌ و هو جزاؤكم ، فجعل ذلك فراغهم عن طريق المثل .

Kami hanya akan menguruskan hitungan dan balasan amal kamu sahaja (pada hari kiamat,) wahai manusia dan jin!

- Aku akan meninggalkan semua perkara yang menyibukkan daku tentang kamu, atau hanya menguruskan untuk memberi balasan terhadap perkara tersebut.

- Dan itu mungkin juga maksudnya: Dunia akan berakhir dan sampai ke penghujungnya, dan berakhir pada waktu itu segala urusan makhluk yang dimaksudkan dengan ayat () oleh itu tidak ada yang tinggal kecuali satu perkara iaitu balasan amal kamu, maka ia jadikan “hanya menguruskan untuk memberi balasan terhadap mereka” itu sebagai perumpamaan.

● سمي الإنس و الجن بـ ﴿ الثَّقَلَانِ ﴾ لأن الإنس و الجن ثَقَلَا الأرض .

Manusia dan jin dinamakan (الثقلان) kerana manusia dan jin menjadikan bumi itu berat

ما يستفاد من الآيات :

- ١) دلائل قدرة الله في الكون ، تُلزمنا بالإقرار بوحدانيتته و ربوبيته .
- ٢) لا يستطيع أحدٌ من الخلق أن ينقذَ من قبضة الخالق سبحانه .
- ٣) خلق الله الإنسان من طين ، و خلق الجن من اللهب الصافي .
- ٤) بين الله أنه هو رب لمشرقين و المغربين .
- ٥) من قدرة الله خلق ماءين ، إحداهما ملح و الآخر عذبٌ .

Pengajaran ayat:

- 1) Bukti kekuatan Allah swt di alam semesta, mewajibkan kita untuk mengakui Keesaan dan Ketuhanan-Nya.
- 2) Tidak ada makhluk yang dapat melepaskan diri dari kekuasaan Allah swt.
- 3) Allah swt menciptakan manusia dari tanah liat, dan Dia menciptakan jin dari api bersih.
- 4) Allah swt menjelaskan bahawa Dia adalah Tuhan bagi dua imur dan dua barat.
- 5) Antara kekuasaan Allah swt ialah menciptakan dua perairan, salah satunya adalah masin dan satu lagi tawar.

﴿ يُرْسَلُ عَلَيْكُمْ شُواظٌ مِّن نَّارٍ وَنَحَّاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ ﴾

إذا خرجتم من قبوركم يُرْسَلُ عليكم لهبٌ خالصٌ من النار ، و دخانٌ ليسوفكم الى المحشر، فلا تُمنعان منهما .

Apabila kamu keluar dari perkuburan, Kamu (golongan yang kufur ingkar dari kalangan jin dan manusia) akan ditimpakan dengan api yang menjulang-julang dan asap (yang membakar); untuk membawa kamu ke padang Mahsyar. Oleh yang demikian, kamu tidak akan dapat mempertahankan diri dari azab seksa itu.

● دلائل قدرة الله في الآيات السابقة :

١. خلق الله الإنسان من طين يابس، و خلق الجن من نار .
٢. خلق الله البحرين / الماءين، أحدهما ملح و الآخر عذبٌ .
٣. كل خلق في قبضة الله تعالى .
٤. من الماءين يخرج اللؤلؤ و المرجان .
٥. كل أهل السماوات و الأرض مفتقرون الى الله .
٦. السفن المرفوعات الشَّرْع في البحر .

Bukti kekuasaan Allah swt dalam ayat di atas:

1. Allah swt menciptakan manusia dari tanah liat kering, dan Dia menciptakan jin dari api.
2. Allah swt menciptakan dua laut / dua perairan, salah satunya masin dan satu lagi tawar.
3. Setiap makhluk itu berada di bawah kekuasaan Allah swt.
4. Dari dua perairan itu, keluarlah mutiara dan marjan.
5. Seluruh penghuni langit dan bumi memerlukan pertolongan Allah swt.
6. Kapal yang dipasang layar untuk belayar di laut.

﴿ فَيَوْمَئِذٍ لَا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ وَلَا جَانٌّ ﴾

ففى يوم تنشق السماء، لا يُسأل إنسٌ و لا الجانُّ عن ذنبه.

Pada langit pecah-belah, tiada sesiapaupun samada manusia atau jin yang akan ditanya tentang dosanya (kerana masing-masing dapat dikenal menurut keadaannya).

- المراد بـ (الجَان) هو أبو الجن .
- قوله تعالى : ﴿ فَيَوْمَئِذٍ لَا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ وَلَا جَانٌّ ﴾ وبين قوله : ﴿ وَقَفُوهُمْ إِنِّهُمْ مَسْئُولُونَ ﴾ الصفات الآية ٢٤

توفّق بين الآيتين : أن يوم القيامة يومٌ طويل و فيه مواطن كثيرة ، فيُسألون في مواطن و لا يُسألون في آخر .

- وقال قتادة : قد كانت هناك مسألة ، ثم حُتِمَ على أفواه القوم ، و تكلمت أيديهم و أرجلهم بما كانوا يعملون .

- وقيل : ﴿ لَا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ ﴾ سؤال عليم ، ولكن يُسأل سؤال توبيخ .

Menyelaraskan maksud dua ayat ini: bahaw hari Kebangkitan adalah hari yang panjang dan terdapat banyak tempat di dalamnya, lalu mereka akan ditanya di satu tempat dan tidak di tanya pada tempat lain.

Qatadah berkata: Di sana akan ada persoalan, lalu mulut mereka ditutup, tangan dan kaki mereka akan berbicara tentang apa yang mereka lakukan.

معاني الكلمات	
يَوْمئِذٍ : يومَ تنشقُّ السماء	أَذْشَقَّتْ : انْفَكَّتْ بعضها من بعض
بِسَبَبِهِمْ : بعلاماتهم	كَانَتْ : صارت
بِالنَّوَصِي : مقدمة الرؤوس	وَرْدَةٌ : كلون الوردة الأحمر
حَمِيمٍ : ماءٌ حارٌّ قد انتهى حرُّه	الدَّهَانُ : دهن الزَّيْت

الشرح :

﴿ فَإِذَا أَدْشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ ﴾

فاذا انفكَّت السماء بعضها من بعض لقيام الساعة ، فصارت السماء كلون الورد الأحمر، كدهن الزيت .

Oleh itu, ketika langit berpisah antara satu sama lain agar kerana berlakunya kiamat, lalu menjadilah ia seperti merah mawar, berkilat seperti minyak

- أصل لون السماء الحُمْرَة ، ولكن من بُعِدَها تُرى زرقاء .

Asal warna langit adalah berwarna merah, tetapi kerana juhnya ia kelihatan berwarna biru

- المراد بـ (الدهان) : دهن الزيت . وقيل : الأديمُ الأحمر .

ما يستفاد من الآيات :

- (١) ليوم القيامة أهوالٌ تتغيَّرُ بها طبيعة الكون .
- (٢) يعدَّبُ أهل الكفر عذاباً فيه ذلَّةٌ و هوانٌ .
- (٣) يعاقب على المجرمين بين التصليية بالنار و بين شرب الحميم .
- (٤) تقرير بأن الساعة حق و واقع .

Pengajaran ayat:

- 1) Pada Hari Kebangkitan, terdapat huru hara yang akan mengubah sifat alam semesta.
- 2) Orang-orang kafir akan disiksa dengan azab kehinaan.
- 3) Orang-orang yang melakukan dosa akan dihukum antara seksaan dengan api neraka dan minum air yang menggelegak panas.
- 4) Pernyataan bahawa hari kiamat itu adalah benar dan pasti berlaku.

﴿ يُعْرِفُ الْمَجْرِمُونَ بِسِيْمَتِهِمْ فَيُؤْخَذُ بِالنَّوَصِي وَالْأَقْدَامِ ﴾

في يوم القيامة، يُعرف المجرمون بسواد وجوههم ، و زُرْقَةَ عيونهم ، فَيُؤْخَذُ تارةً بالنواصي و تارةً بالأقدام .

Pada Hari Kebangkitan, orang-orang yang berdosa dapat dikenal dari kehitaman wajah-wajah dan kebiruan mata mereka, lalu dipegang dari atas kepala seketika dan kakinya ketika lain (serta diseret ke Neraka).

• المراد بـ ﴿النَّوَصِي﴾ هي مقدمة الرؤوس .

﴿ هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي يُكَذِّبُ بِهَا الْمَجْرِمُونَ ﴾ ﴿٤٣﴾ يَطُوفُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَمِيمٍ

﴿٤٤﴾

بَيْنَ اللَّهِ أَنْ هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي يُكَذِّبُ بِهَا الْمَجْرِمُونَ سَوْفَ يُعَاقَبُ عَلَيْهِمْ، بَيْنَ التَّصْلِيَةِ بِالنَّارِ وَ بَيْنَ شُرْبِ الْحَمِيمِ ، أَي مَاءٍ حَارٌّ قَدْ انْتَهَى حَرُّهُ .

Allah swt menjelaskan bahawa inilah Neraka Jahanam yang selalu orang-orang yang berdosa mendustakannya

Mereka akan disiksa (berulang-ulang) di antara api Neraka dengan air yang menggelegak yang cukup masak panasnya!

﴿ فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَْا تُكذِّبَانِ ﴾

"النعمة" في الآية هي : نَجَاةُ النَّاجِي مِنْ هَذَا الْعَذَابِ بِفَضْلِهِ وَ رَحْمَتِهِ وَ تَنْبِيْهِهِ عَلَى عَدَمِ فَعْلِ مَا يُؤْدِي إِلَيْهِ .

Nikmat dalam ayat ini adalah: terselamatnya orang yang selamat dari siksaan ini dengan kurniaan dan rahmatNya serta peringatan agar tidak melakukan perkara yang menjerumus di dalam azab tersebut.

• المراد بـ ﴿جَنَّاتٍ﴾ :

قيل : جنة الإنس و جنة الجن ، لأن الخطاب للثقلين ، كأنه قيل : لكل خائف منكما جنتان ؛ جنة للخائف الإنسي ، و جنة للخائف الجني .

Satu pendapat mengatakan: Maksud (جنتان) adalah Syurga manusia dan syurga jin, kerana ayat ini dituju kepada manusia dan jin, seolah-olah dikatakan: untuk setiap yang takut pada Allah swt di kalangan kamu berdua (manusia dan jin), akan disediakan dua syurga : Syurga bagi manusia yang takutkan Allah swt, dan syurga bagi jin yang takut kepada Allah swt.

﴿ذَوَاتَا أَفْنَانٍ﴾

أن الجننتين ذوا أغصان ، لأنها هي التي تُورِقُ و تُثْمِرُ ، فمنها تمتدُّ الظلال ، و منها بُجَّتِي الثمار .

Kedua-dua syurga itu mempunyai dahan, kerana ia akan berdaun dan berbuah, daripadanya terhasil bayang-bayang yang memanjang, dan daripadanya mereka akan memetik buah-buahannya..

• المراد بـ ﴿أَفْنَانٍ﴾ : قيل : ألوان ، أى ؛ له فيها ما تشتهي الأنفس و تلذُّ الأعين .

Maksud (أفنان) ada pendapat mengatakan: Berbagai jenis, di dalamnya terdapat apa yang diinginkan oleh jiwa dan indah mata memandang.

معاني الكلمات

جَنَّاتٍ : جنة الإنس و جنة الجن	الدُّهُمَّةُ : السوداء
أَفْنَانٍ : أغصان / ألوان	عَيْنَانٍ : فَوَارِثَانِ بالماء لا تنقطعان
زَوْجَانٍ : صنفان	مَقْصُورَاتٍ : مُحَدَّرَاتٍ / صيانة
إِسْتَبْرَقٍ : ديباج ثخين	رَفْرَفٍ : وسائد / كل ثوب عريض
دَانَ : قريب	عَبْقَرِيٍّ : ديباج / طنافس / البساط
يَطْمِئِنُّنَ : الجماع بالتدمية	ذِي الْجَلَلِ : ذى العظمة
مُدَّهَامَتَانِ : سوداوان من شديد الحُضْرَةِ	نَضَّاحَتَانِ : لا تنقطعان

الشرح :

﴿وَلِمَن خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ جَنَّاتٍ﴾

بين الله في هذه الآية : أن لكل خائف من الله - موقفه الذي يقف فيه العباد للحساب يوم القيامة فترك المعاصي ، جنتان : جنة الإنس و جنة الجن .

Allah swt menjelaskan dalam ayat ini: bahawa bagi setiap orang yang takut kepada Allah swt - kedudukannya di kalangan hamba-hambanya pada hari kiamat untuk dihitung amalnya - lalu iameninggalkan kemaksiatan, disediakan baginya dua Syurga : surga manusia dan syurga jin.

- موقع الإعراب :

﴿ مُتَكِينٍ ﴾ نُصِبَ عَلَى الْمَدْحِ لِلْخَائِفِينَ ، أَوْ حَالٍ مِنْهُمْ ، لِأَنَّ (وَلَمْ يَخَفْ)

(خاف) فِي مَعْنَى الْجَمْعِ .

﴿ فِيهِنَّ قَصِيرَاتُ الْطَّرْفِ لَمْ يَطْمِثْنِ إِنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌّ ﴾

فِي الْجَنَّتَيْنِ نِسَاءً قَصِرْنَ أَبْصَارَهُنَّ عَلَى أَزْوَاجِهِنَّ ، لَا يَنْظُرْنَ إِلَى غَيْرِهِمْ ، وَلَمْ يَطْمِثْنِ مِنْ قَبْلِ إِنْسٍ وَلَا جَانٍّ مِنْ أَصْحَابِ الْجَنَّتَيْنِ .

- دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ الْجِنَّ يَطْمِثُونَ كَمَا يَطْمِثُ الْإِنْسُ .

Di dalam Syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu kepada mereka semata-mata, yang tidak pernah melihat kepada yang lain dan tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan jin di kalangan ahli kedua-dua syurga tersebut.

- Ini bukti bahawa jin bersetubuh sama seperti manusia bersetubuh.

- معنى (يطمث) : الجماع بالتدمية .

Maksud (يطمث) sentuhan (persetubuhan) yang memecahkan dara.

- يعود الضمير(هن) في قوله تعالى ﴿ فِيهِنَّ قَصِيرَاتُ الْطَّرْفِ ﴾ إِلَى الْجَنَّتَيْنِ ،

لِإِشْتِمَالِهِمَا عَلَى أَمَاكِنَ وَقُصُورَ وَمَجَالِسَ .

- أَوْ يَعُودُ إِلَى : فِي الْآلَاءِ الْمَعْدُودَةِ مِنَ الْجَنَّتَيْنِ ، وَالْعَيْنِينَ وَالْفَاكِهِةَ وَالْفُرُوشَ

وَالْجَنِّيَّ .

﴿ فِيهَا عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ ﴾

أَنَّ فِي الْجَنَّتَيْنِ عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ حَيْثُ شَاءُوا فِي الْأَعَالَى وَالْأَسْفَلِ .

- وَعَنِ الْحَسَنِ: تَجْرِيَانِ بِالْمَاءِ الزُّلَالِ؛ إِحْدَاهُمَا التَّسْنِيمُ وَالْأُخْرَى السَّلْسِيلُ .

Sesungguhnya di dalam kedua-dua syurga itu terdapat dua mata air yang mengalir ke mana sahaja mereka mahu, di hulu sebelah atas dan ke hilir sebelah bawah.

- Daripada al-Hasan berkata: Kedua-duanya mengalir dengan air bersih lagi jernih. Salah satu dari kedua mata air itu disebut *tasnim* dan yang lainnya disebut *salsabila*.

﴿ فِيهَا مِنْ كُلِّ فَاكِهَةٍ زَوْجَانِ ﴾

فِي الْجَنَّتَيْنِ أَنْوَاعُ الْفَوَاكِهِ ، كُلٌّ مِنْهَا زَوْجَانِ أَوْ صِنْفَانِ ، صِنْفٌ مَعْرُوفٌ لَهُمْ ، وَصِنْفٌ غَرِيبٌ عَنْهُمْ .

Pada kedua Syurga itu terdapat pelbagai jenis buah-buahan atau dua jenis buah-buahan yang biasa dan yang luar biasa.

﴿ مُتَكِينِينَ عَلَى فُرْشٍ بَطَّائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَنَى الْجَنَّتَيْنِ دَانٍ ﴾

أَنَّ الْخَائِفِينَ مِنَ اللَّهِ مُتَكِينِينَ عَلَى فُرَاشٍ بَطَّائِنُهَا مِنْ دِيْبَاجٍ ثَخِينٍ ، / وَثَمَرُهَا قَرِيبٌ يَنَالُهُ الْقَائِمُ ، وَالْقَائِدُ وَالْمُتَكَيِّئُ .

- قِيلَ : فِي ﴿ إِسْتَبْرَقٍ ﴾؛ ظَاهِرُ الثِّيَابِ مِنْ سِنْدُسٍ ،

- قِيلَ : لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا اللَّهُ .

Sesungguhnya mereka yang takut kepada Allah swt (di dalam Syurga) berbaring di atas hamparan-hamparan, yang lapisan-lapisan sebelah dalamnya dari sutera tebal yang bersulam dan buah-buahan kedua-dua Syurga itu dekat kepada mereka untuk dipetik sama ada dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring.

- Ada pendapat mengatakan: (استبرق) pakaian luaran dari kain sutera.

- Pendapat lain : Hanya Allah swt sahaja yang mengetahuinya.

﴿ مَدَّهَا مَتَّان ﴾

أن الجنتين سوداوان من شدة الخُضرة .

- قال الخليل : الدُّهْمَة - السواد .

Kedua-duanya gelap (suasananya gelap dan redup, cahaya matahari tidak dapat menembusi) kerana terlalu menghijau subur tanamannya

- Al Khalil berkata : (الدُّهْمَة) adalah gelap

﴿ فِيهِمَا عَيْنَانِ نَضَّاحَتَانِ ﴾

وأن في الجنتين فؤارتان بالماء لا تنقطعان .

Dalam kedua-dua Syurga itu terdapat dua mata air yang terus menerus memancarkan airnya.

﴿ فِيهِمَا فَكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ ﴾

وفي الجنتين أنواع الفواكه التمر و الرمان .

Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima

﴿ كَأَنَّهِنَّ أَلْيَاقُوتُ وَالْمَرْجَانُ ﴾

كأن النساء في الجنتين ياقوت صفاءً و مرجان بياضا أبيض من اللؤلؤ .

Seolah-olah Bidadari-bidadari di kedua-dua syurga itu cantik berseri seperti permata delima dan marjan

﴿ هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَنِ إِلَّا الْإِحْسَنُ ﴾

ما من جزاء في العمل الحسن الا الثواب .

- قيل : ما جزاء من قال : لا اله الا الله الا الجنة .

- عن ابراهيم الخوَّاص قال فيه : هل جزاء الإسلام إلا دار السلام .

Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik melainkan balasan yang baik juga?

- Satu pendapat mengatakan: Tidak ada pahala untuk orang yang mengucapkan kalimah (لا اله الا الله) kecuali syurga.
- Daripada Ibrahim al-Khawwas berkata berkaitan perkara ini: Bukankah tidak ada balasan bagi Islam melainkan tempat yang damai (syurga)?

﴿ وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّتَانِ ﴾

ومن دون تلك الجنتين الموعودتين للمقربين جنتان لمن دونهم من أصحاب اليمين .

Dan selain dari dua syurga yang dijanjikan untuk hamba yang menghampirkan diri kepada Allah swt itu, ada dua Syurga lagi untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua ahli syurga.

﴿ حُورٌ مَّقْصُورَاتٌ فِي الْخِيَامِ ﴾

و في الجنتين حور مُلازِمَات للبيوت مُلازِمَةٌ تَعْفُفٍ و صِيَانَةٍ .
- يقال : إمرأةٌ قَصِيرَةٌ و مقصورةٌ ، اى ؛ مُخَدَّرَةٌ ،
وقيل : الخِيَامُ من الدَّرِ المَجْوُوفِ .

Dalam kedua-dua Syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang hanya tinggal tetap dan terpelihara di tempat tinggal masing-masing

- Dikatakan: (إمرأةٌ قَصِيرَةٌ و مقصورةٌ) iaitu perempuan yang terpelihara.

-- Ada pendapat mengatakan: Khemah dari rumah yang dilubangi.

﴿ مُتَّكِنِينَ عَلَى رَفْرَفٍ خُضْرٍ وَعَبْقَرِيٍّ حِسَانٍ ﴾

أن أصحاب الجنتين متكئين على ثوبٍ عريضٍ (و سائد) خُضْرٍ وديباجٍ أو طَنَافِسٍ
(البِساط) حِسَانٍ .

Penghuni kedua-dua syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal) cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah.

آراء العلماء في قوله تعالى : ﴿ فِيهَا فَكِهَةٌ وَخَلٌّ وَرُمَّانٌ ﴾ :

(١) عند أبي حنيفة رحمه الله : ان الرمان و التمر ليسا من الفواكه ، لِحجى
حرف العطف (واو) ، لأن التمر فاكهةٌ و غذاءٌ، و الرمان فاكهةٌ و دواءٌ ،
فليسا للتفكُّهِ وحده .

(٢) قيل: إنما عُطِفَا على الفاكهة ، لفضلهما كأشهما جنسان آخران لِمَا لهما
من المِزْيَةِ .

Pendapat ulamak tentang ayat ini:

- (1) Menurut Abu Hanifa r.h : bahawa pohon delima dan kurma bukan buah, kerana terdapat kata hubung (و), kerana kurma adalah buah dan makanan, delima pula adalah buah dan ubat, bukan sahaja untuk merasa kemanisannya sahaja.
- (2) Ada pendapat mengatakan: Kurma dan delima dikaitkan dengan buah-buahan, kerana kelebihan kedua-duanya, seolah-olah ia adalah dua jenis yang lain kerana kelebihannya.

﴿ فِيهِنَّ خَيْرَاتٌ حِسَانٌ ﴾

أن في الجنتين خيراتٌ فاضلاتُ الأخلاق ، حِسَانُ الخَلْقِ .

Dalam kedua-dua Syurga itu juga terdapat teman-teman yang baik akhlakunya, lagi cantik parasnya

• تكرر قوله تعالى : ﴿ فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَتُكذِّبَانِ ﴾ لأن في الجنتين

اشتمالهما على أماكن و قصور و مجالس و الآلاء المعدودة : من الجنتين و العينين و الفاكهة و الفُرُش و الجنى ، و حور لم يطمثن ، و جزء في العمل و نحوها .

المخاطب بهذا القول الكريم: للإنس و الجن .

Pengulangan ayat () kerana pada kedua-dua syurga itu mengandungi tempat tinggal, istana, tempat duduk dan nikmat-nikmat yang dinyatakan iaitu dua syurga, mata air, buah-buahan, hamparan-hamparan, buah-buahan yang dekat, bidadari yang tidak disentuh, balasan terhadap amalan, dan seumpamanya.

- Ayat ini ditujukan kepada manusia dan jin.

ما يستفاد من الآيات :

- (١) أَعَدَّ اللهُ لِمَنْ حَقَّقَ مَقَامَ الْخَوْفِ مِنْهُ مَا تَشْتَهَى نَفْسُهُ .
- (٢) أَعَدَّ اللهُ لِلْخَائِفِينَ مِنَ الْإِنْسِ وَ الْجِنِّ بِأَنْوَاعِ النِّعَمِ .
- (٣) أَنَّ الْجِنَّ يَطْمَثُونَ كَمَا يَطْمَثُ الْإِنْسُ .
- (٤) بَيَانَ أَنَّ هُنَاكَ جَنَّتَانِ ؛ جَنَّةَ الْإِنْسِ وَ جَنَّةَ الْجِنِّ .
- (٥) بَيَانَ أَنَّ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ مُتَكِمِينَ عَلَى ثَوْبِ عَرِيضِ خَضِرٍ وَ دِيْبَاجٍ حَسَنٍ .

Pengajaran ayat:

- (1) Allah swt telah menyediakan bagi orang yang mencapai kedudukan takut terhadap Allah swt apa yang diinginkan oleh jiwanya.
- (2) Allah swt telah menyediakan bagi mereka yang takut Allah swt di kalangan manusia dan jin dengan segala jenis nikmat.
- (3) Sesungguhnya jin juga bersetubuh seperti manusia bersetubuh.
- (4) Menjelaskan bahawa di sana terdapat dua syurga iaitu syurga manusia dan syurga jin.
- (5) Menjelaskan bahawa penghuni syurga berbaring di atas cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah..

﴿ فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَتُكذِّبَانِ ﴾

وإنما كانت صفات هاتين الجنتين دون صفات الجنتين الأوليين ، حتى قيل : (ومن

دوئهما) ، لأن ﴿ مُدَّهَامَتَانِ ﴾ دون ﴿ ذَوَاتَا أَفْنَانٍ ﴾ ، و ﴿ نَضَّاحَتَانِ ﴾

دون ﴿ تَجْرِيَانِ ﴾ ، و ﴿ فَكِيهَةٌ ﴾ دون (كل فكيهة) ، و كذلك صفة الحور و

المتكأ .

Sesungguhnya sifat-sifat kedua-dua syurga ini kurang dari sifat dua syurga yang pertama tadi. sehingga ada pendapat mengatakan: perkataan (ومن دونهما) kerana (مدھامتان) itu kurang daripada (ذواتا أفنان) , manakala (نضاختان) kurang daripada (تجريان) , begitu juga (فكيهة) kurang daripada (كل فكيهة) , seterusnya begitulah juga sifat bidadari dan keadaan penghuninya di dalam syurga.

﴿ تَبَرَّكَ اسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ ﴾

تعظيم و تبارك الله رب ذى العظمة و الإكرام لأوليائه بالإنعام .

- قرأ ابنُ عامرٍ : ﴿ ذِي الْجَلَلِ ﴾ بـ (ذُو الْجَلَلِ) ؛ بالرفع على أنه

صفة للإسم .

Maha Tinggi dan Maha Suci Allah Tuhan yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan terhadap hamba-hambaNya dengan diberikan nikmat-nikmat.

- (١) مبادئ علوم القرآن
- (٢) تعريف بالقرآن وبأسمائه ومقاصده
- (٣) أول ما نزل وآخر ما نزل من القرآن
- (٤) المكي والمدني
- (٥) نزول القرآن منجما
- (٦) تفسير القرآن

علوم القرآن

ASAS ULUM AL QURAN

Definisi ulum al Quran

Perbahasan yang berkaitan dengan al Quran :

- 1- dari sudut turunnya al Quran , seperti mengetahui ayat pertama dan terakhir diturunkan, mengetahui sebab turunnya ayat al Quran, mengetahui ayat al Quran yang diturunkan sebelum hijrah (ayat Makki) dan ayat al Quran yang diturunkan selepas hijrah (ayat Madani).
- 2- Dari sudut penulisan dan pengumpulan serta tulisan al Quran.
- 3- Dari sudut mukjizat, gaya bahasa, perumpamaan, kisah yang terdapat dalam al Quran, tafsir dan penjelasan perkataannya serta isi kandungannya

Topik (perbahasan) ulum al Quran

Al Quran itu sendiri dari sudut-sudut seperti di atas yang berkaitan dengan ayat-ayatnya, surah-surahnya, sebab turun al Quran, ayat makki dan ayat madani.

Rahsia dinamakan ulum al Quran

Rahsia dinamakan ilmu ini dengan ulum al Quran dan tidak dinamakan dengan ilmu al Quran kerana:

- 1- Setiap perbahasan dalam ilmu ini merupakan ilmu berasingan.
- 2- Ilmu-ilmu ini telah disusun oleh ulamak dalam pelbagai tulisan.

Faedah mengetahui/belajar ulum al Quran.

1. Menambahkan pengetahuan dengan petunjuk al Quran, adab dan hukum-hukumnya serta syariatnya.
2. Dapat menangkis kekeliruan yang ditimbulkan tentang al Quran oleh golongan jahil dan dendam (kepada al Quran).
3. Mengetahui syarat yang wajib dipenuhi oleh orang yang ingin berkecimpung dalam mentafsirkan al Quran.

مبادئ علوم القرآن

تعريف علوم القرآن الكريم

هي : مباحث تتعلق بالقرآن الكريم من ناحية نزوله، كعرفة أول و آخر ما نزل، وأسباب النزول، وما نزل قبل الهجرة وما نزل بعدها، ومن ناحية كتابته وجمعه ورسمه، ومن ناحية إعجازه وأسلوبه، وأمثاله، وقصصه، وتفسيره، و توضيح ألفاظه، ومعانيه.

موضوع علوم القرآن

القرآن ذاته، من هذه النواحي السابقة التي تتعلق بآياته، وسوره، وأسباب نزوله، ومكيه، ومدنيه.

سر التسمية

سمى هذا العلم بعلوم القرآن، ولم يسم بعلم القرآن؛ لأن كل مبحث من مباحثه يعد علما مستقلا قائما بذاته، قد ألفت فيه مؤلفات.

فوائد معرفة علوم القرآن الكريم

- أ) زيادة المعرفة بهدايات القرآن، و آدابه، وأحكامه، وتشريعاته.
- ب) الرد على شبهات الجاهلين والحاقدین التي أثاروها حول القرآن الكريم.
- ج) معرفة الشروط التي يجب توافرها في من يريد تفسير القرآن الكريم.

DEFINISI AL QURAN, NAMA-NAMANYA DAN TUJUANNYA

Definisi al Quran dari sudut bahasa.

Perkataan al Quran adalah masdar (kata terbitan) bagi kata kerja (membaca) kemudian dipindahkan dari erti masdar dengan menjadikannya nama bagi kalam Allah swt iaitu penggunaan masdar sebagai maf'ul.

Definisi al Quran dari sudut istilah.

Dari sudut istilah : al Quran adalah kalam Allah yang mempunyai mukjizat, diturunkan kepada Rasulullah nabi Muhammad saw yang diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya merupakan ibadat.

Nama-nama al Quran**1. al Quran:**

Firman Allah swt: "Sesungguhnya Al Quran ini memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus"

2. al Kitab :

Firman Allah swt: "Segala puji bagi Allah yang Telah menurunkan kepada hamba-Nya Al Kitab (Al-Quran)"

3. al Furqan

Firman Allah swt: "Maha Suci Allah yang Telah menurunkan Al Furqaan (Al Quran) kepada hamba-Nya",

4. az Zikr

Firman Allah swt: "Dan Al Quran Ini adalah suatu Kitab (peringatan) yang mempunyai berkah yang Telah kami turunkan"

5. at Tanzil

Firman Allah swt: "Dan Sesungguhnya Al Quran Ini benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta Alam",

